



**KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI**
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

DASAR PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK DAN REKA CIPTA DIBIYAYAI KERAJAAN

2021 - 2025

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
(MOSTI)



**KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI**
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

DASAR PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK DAN REKA CIPTA DIBIYAI KERAJAAN 2021 – 2025

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
(MOSTI)

Cetakan Pertama 2021

© Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Diterbitkan oleh:

Bahagian Pemindahan Teknologi dan Pengkomersialan R&D

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Aras 2, Blok C4, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62662 PUTRAJAYA

Tel : 03-8885 8056/ 8542 / 8286

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN	2
Dasar asal dan rasional pindaan	
LATAR BELAKANG	4
Takrifan harta intelek dan pengkomersialan	
Polisi dan dasar negara terhadap pengkomersialan harta intelek	
Senario semasa	
TUJUAN	10
Panduan pengkomersialan harta intelek yang dibiayai Kerajaan	
Kerangka Dasar	
OBJEKTIF	10
Tiga Objektif Dasar bagi meningkatkan aktiviti pengkomersialan harta intelek, memperkasa pembiayaan dan melengkapi dasar negara	
STRATEGI	11
Tiga Strategi Dasar melalui penyeragaman kaedah pengkomersialan harta intelek, penyediaan insentif dan kolaborasi dalam penyelidikan	
KESIMPULAN	13
Kerjasama pelbagai pihak dalam meneruskan momentum pengkomersialan harta intelek	
LAMPIRAN	
Rujukan	15
Pelan Tindakan	16
Manual Operasi Dasar	19

DASAR PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK DAN REKA CIPTA DIBIYAI KERAJAAN, 2021-2025

1. PENGENALAN

1.1. Kerajaan sentiasa komited dalam menggalakkan penyelidikan, menjaga kepentingan harta intelek dan memberi insentif kepada pereka cipta pegawai awam dengan termaktubnya Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/1999: Garis Panduan Bagi Pengurusan Harta Intelek Yang Dimiliki Oleh Kerajaan dan Agihan Saguhati Hasil Penyelidikan Yang Dikomersialkan Kepada Pegawai-Pegawai Awam. Perkara ini telah ditambah baik dengan kajian Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI) ke atas pengagihan hasil pengkomersialan dan hasilnya, Dasar Pengkomersialan Harta Intelek Hasil Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Yang Dibiayai Oleh Kerajaan (Dasar Asal) telah dikuatkuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 30/2009.

1.2. Dalam hal ini, peranan polisi dan undang-undang berkenaan harta intelek adalah untuk mengiktiraf hak moral dan ekonomi pereka cipta ke atas ciptaan. Di samping itu, peranan perundangan adalah juga untuk menggalakkan, melalui dasar-dasar Kerajaan, kesinambungan kreativiti dan aplikasi ciptaan tersebut agar sampai kepada masyarakat yang kemudiannya akan menyumbang kepada kemajuan ekonomi dan sosial negara. Bagi menggalakkan aplikasi reka cipta ini, pengeksploitasian harta intelek boleh dilaksanakan melalui pengkomersialan. Aktiviti pengkomersialan bukan sahaja boleh memberi impak kewangan dan ekonomi, malah akan memberi impak sosial dan budaya; yang mana faedah pengkomersialan ini dapat dikongsi bersama dalam suatu ekosistem yang bermula di institusi penyelidikan dan universiti di mana suatu pembaharuan itu dicipta, seterusnya kepada industri, dan akhirnya kepada masyarakat yang menerima faedah daripada pembaharuan tersebut.

1.3. Selepas satu dekad, Dasar Asal ini dipinda dan ditambah baik selari dengan hala tuju ke arah negara maju dengan mengambil kira Prinsip Panduan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030), antaranya Kemakmuran Berterusan, Masyarakat Peribelajar dan Paksi Ekonomi Asia. WKB2030 ialah kesinambungan daripada Wawasan 2020 dan menzahirkan iltizam untuk membangunkan Malaysia secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rangkaian bekalan. WKB2030 memerlukan proses anjakan pemikiran, sikap dan sistem nilai rakyat di negara ini melalui pemeraksanaan mekanisme kreatif dan inovatif untuk membangunkan negara dan menjana pertumbuhan dan kekayaan baharu. Mengambil juga aspirasi Dasar Asal dan Dasar Harta Intelek Negara, serta lain-lain dasar / polisi / pelan tindakan negara berkaitan R&D, harta intelek dan pengkomersialan, maka **Dasar Pengkomersialan Harta Intelek dan Reka Cipta Dibiayai Kerajaan** ini diperkenalkan bagi menggantikan Dasar Asal dan membatalkan PP30/2009.

1.4. Antara perkara yang dipinda dan ditambah baik adalah:

1.4.1. Perluasan skop reka cipta yang kini termasuk R&D, kreativiti dan inovasi;

1.4.2. Perluasan skop pengkomersialan dengan mengambil kira aktiviti yang menjana pendapatan dan juga penjimatan kepada Kerajaan;

1.4.3. Penyediaan strategi, pelan tindakan dan sasaran yang boleh diukur berhubung hala tuju pengkomersialan harta intelek milik Kerajaan;

1.4.4. Penyediaan dokumen Manual Operasi Dasar yang komprehensif dan praktikal; dan

1.4.5. Penyediaan prosedur dan tatacara agihan hasil pengkomersialan harta intelek milik Kerajaan kepada pereka cipta yang digariskan dalam Manual Operasi Dasar.

1.5. **Dasar Pengkomersialan Harta Intelek dan Reka Cipta Dibiayai Kerajaan** ini diwujudkan bertujuan menyediakan panduan yang lebih jelas dalam pengkomersialan harta intelek hasil R&D, kreativiti dan inovasi yang dibiayai Kerajaan. Tiga objektif yang disenaraikan adalah untuk meningkatkan aktiviti pengkomersialan harta intelek hasil R&D, kreativiti dan inovasi yang dibiayai Kerajaan, memperkasa pembiayaan R&D, kreativiti dan inovasi ke arah pengkomersialan, serta melengkapi dasar negara sedia ada yang berkaitan R&D, harta intelek dan pengkomersialan.

1.6. Berdasarkan objektif ini, Dasar diperincikan lagi dengan tiga (3) strategi dan dilaksanakan dengan sembilan (9) pelan tindakan bermula 2021 hinggalah 2025.

2. LATAR BELAKANG

2.1. **Harta intelek** ditakrifkan di bawah Dasar ini adalah merujuk kepada reka cipta, karya, ciptaan, rekaan, varieti baru tumbuhan, maklumat sulit termasuk rahsia perdagangan yang layak untuk mendapat perlindungan undang-undang berkaitan harta intelek. **Pengkomersialan** pula merujuk kepada aktiviti penjanaan pendapatan atau penjimatan secara langsung atau tidak langsung melalui idea, penyelidikan, reka cipta, kreativiti dan inovasi yang dihasilkan dalam bentuk produk, perkhidmatan, teknologi, proses atau sistem organisasi yang dipasarkan melalui kaedah-kaedah seperti penjualan, pelesenan, penyerahan hak, pengembangan (*spin-off*), pengilangan, pembungkusan, usaha sama atau *français*.

2.2. Negara telah memperkenalkan beberapa dasar dan pelan tindakan yang dibentuk agar usaha penyelidikan dan pembangunan, idea inovasi, perlindungan harta intelek dan aktiviti pengkomersialan dapat dipergiatkan secara holistik di semua peringkat. Antara lain;

2.2.1. Dapatan hasil kajian Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui *Future Acceleration through Science, Technology and Research Excellence (FASTREx) 2021-2030* telah menggariskan kepentingan memajukan penyelidikan & pembangunan (R&D) dan pengkomersialan. Kajian ini juga telah mengenalpasti beberapa cabaran pengkomersialan, antaranya; kurangnya perkongsian data penyelidikan, kurang akses kepada fasiliti dan peralatan sains dan teknologi, dan hasil inovasi tidak berjaya diterjemahkan dengan baik sebagai produk komersial. Selari dengan ini, Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 juga menggariskan kepentingan Sains, Teknologi & Inovasi sebagai penggerak pertumbuhan dalam Teras Strategi 2, serta disokong oleh Rangka Kerja 10-10 MySTIE dalam penetapan 30 bidang keutamaan R&D negara sebagai panduan untuk membina ekosistem STIE yang lebih holistik.

2.2.2. Dasar Harta Intelek Negara (DHIN) yang disediakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 2007 merupakan panduan dalam menggubal undang-undang berkaitan harta intelek negara turut menggariskan kepentingan dalam memajukan aktiviti penghasilan dan pengeksploitasian harta intelek.

2.2.3. Dalam *Industry 4WRD: National Policy on Industry 4.0* yang dibangunkan oleh Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI) pada 2018, teknologi merupakan antara lima (5) teras utama yang membolehkan potensi Industri 4.0 diterokai.

Industry 4WRD mengutarakan keperluan pengwujudan makmal teknologi dan platform untuk berkolaborasi serta mempergiatkan penyelidikan, inovasi, pengkomersialan dan keusahawanan.


2.2.4. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 pula mengetengahkan ekosistem inovasi yang membenarkan bukan sahaja penyelidikan yang dipacu pendidikan tinggi, malah juga penyelidikan dipacu industri. Bagi mencapai hasrat ini, Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan insentif kepada institut pengajian tinggi dalam mewujudkan sistem sokongan untuk pengkomersialan penyelidikan seperti mekanisme guna sama prasarana dan meningkatkan pemantauan data. Gelombang 3 (2021-2025) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) pula mensasarkan anjakan ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan (*flexibility*) operasi berdasarkan inovasi dalam pengajaran.

2.2.5. Dasar Keusahawanan Nasional 2020-2030 melalui inisiatif Kementerian Pembangunan Usahawan pada 2019 juga melihat kepada kepentingan pengkomersialan harta intelek sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi melalui perusahaan berteraskan inovasi.

2.3. Selain daripada itu, Kerajaan juga melalui Pekeliling Transformasi Perkhidmatan Awam Bil. 1/2016 telah mengiktiraf hasil kreativiti daripada Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) sebagai reka cipta/ produk yang boleh dikomersialkan. Inisiatif baharu yang tidak terkandung dalam Dasar Asal telah membentuk horizon baharu dan sekaligus memberi pengiktirafan kepada pereka cipta pegawai awam.

Perkara ini juga secara tidak langsung telah memperluaskan skop dan takrif R&D dalam Dasar Asal.

2.4. Dalam hal ini, sejak Dasar Asal diperkenalkan pada 2009 dan sehingga 2017, paten yang didaftarkan milik rakyat Malaysia adalah berjumlah 3,010, iaitu satu peningkatan ketara sekiranya dibandingkan dengan tempoh 1986-1998 (349) dan 1999-2008 (865) seperti **Rajah 1** di bawah. Walau bagaimanapun, dalam aspek penerimaan hasil ganjaran tunai melalui pelesenan hak paten, Malaysia masih terkebelakang berdasarkan nilai yang diterima ke atas penggunaan harta intelek, dan ini dapat dilihat melalui **Jadual 1** dengan nilai penjanaan pendapatan negara daripada pengkomersialan adalah lebih rendah sekiranya dibandingkan dengan negara ASEAN seperti Singapura, Thailand dan Indonesia. Perkara ini berlaku walaupun perbelanjaan negara terhadap penyelidikan dan pembangunan (GERD) meningkat saban tahun sejak 2009.



Sumber: MOSTI in Figures Q4 2018


Rajah 1: Paten Dan Perbaharuan Utiliti Yang Didaftarkan

Jadual 1: Penjanaan Pendapatan Pengkomersialan

BIL.	NEGARA	NILAI (USD)
1.	Singapura	18.6 bilion
2.	Thailand	4.1 bilion
3.	Indonesia	1.6 bilion
4.	Malaysia	1.2 bilion

Sumber: Akademi Sains Malaysia, Science Outlook 2017
(rujukan daripada World Bank Database)

2.5. Pada masa yang sama, permohonan pendaftaran harta intelek oleh pemilik dari Malaysia untuk dilindungi di negara luar seperti **Rajah 2** menunjukkan peningkatan pada tahun 2018 dan 2019 berbanding tahun-tahun sebelumnya pada harta intelek seperti paten dan cap dagangan, sedikit penurunan pada reka cipta perindustrian. Trend ini perlu dilihat secara positif sebagai tanda kesungguhan pemilik untuk meneroka pasaran luar negara. Pendaftaran harta intelek di negara luar mencerminkan bahawa pentingnya perlindungan harta intelek secara global dan hasrat pemilik untuk mengkomersialkannya di pasaran dunia.



Sumber: World Intellectual Property Organization (WIPO), Country Profile - Malaysia

Rajah 2: Permohonan Perlindungan Harta Intelek Di Luar Negara (2015 hingga 2019)

- 2.6. Berdasarkan data WIPO, sepanjang tempoh 2015-2017, tujuh daripada sepuluh entiti pemohon terbanyak di Malaysia bagi permohonan paten antarabangsa melalui sistem Tritis Kerjasama Paten (PCT) merupakan agensi berkaitan Kerajaan termasuklah universiti awam. Di samping itu, 61% paten milik rakyat Malaysia yang didaftarkan melalui MyIPO sepanjang 2012-2017 juga didapati didaftarkan atas nama Agensi Kerajaan.
- 2.7. Oleh yang demikian, pengkomersialan harta intelek perlu dipergiatkan lagi dan peranan ini boleh dimainkan oleh Agensi Kerajaan yang sentiasa mempunyai akses kepada kepakaran, inovasi, data, kemudahan fasiliti serta peralatan penyelidikan. Oleh kerana kepakaran di Agensi Kerajaan berada di tangan pegawai awam dan para penyelidik, peranan mereka dalam penggalakkan inovasi adalah kritikal, sebagaimana yang dicerminkan dalam inisiatif untuk meningkatkan bilangan penyelidik selaras dengan sasaran ke-9 dalam *Sustainable Development Goals*. Dalam masa yang sama, pelaburan terhadap kepakaran pegawai perlu dibuat segera semasa hayat kerja mereka agar sebarang manfaat daripada teknologi baharu boleh diaplikasikan sekarang sebelum lapuk.
- 2.8. Berdasarkan perkara di atas, sebarang inisiatif untuk menggalakkan pengkomersialan harta intelek tidak boleh menyetepikan pemilik harta intelek daripada Agensi Kerajaan yang terdiri daripada pereka cipta pegawai awam. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan untuk memudahkan lagi mekanisme dan mempromosikan pengkomersialan harta intelek hasil penyelidikan yang dibiayai oleh Kerajaan, agar hasrat untuk mengkomersialkan reka cipta dapat diterbitkan di peringkat awal lagi semasa penyelidikan bermula.

3. TUJUAN

3.1. Tujuan pewujudan Dasar adalah untuk menyediakan panduan yang lebih jelas dalam tadbir urus pengkomersialan harta intelek hasil R&D dan reka cipta yang dibiayai Kerajaan.



4. OBJEKTIF

4.1. Objektif Dasar adalah untuk:

- 4.1.1. Meningkatkan aktiviti pengkomersialan harta intelek hasil R&D, kreativiti dan inovasi yang dibiayai Kerajaan;
- 4.1.2. Memperkasa pembiayaan R&D, kreativiti dan inovasi ke arah pengkomersialan; dan
- 4.1.3. Melengkapi dasar negara sedia ada yang berkaitan R&D, pembangunan teknologi, harta intelek dan pengkomersialan.

5. STRATEGI

5.1. Strategi 1: Menyeragamkan kaedah pengkomersialan harta intelek Agensi Kerajaan/ Institusi Penyelidikan.

5.1.1. Rasional: Lanskap Sains, Teknologi & Inovasi Malaysia adalah kompleks dengan pelbagai institusi berkepentingan termasuklah pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan, sehingga mempunyai 48 polisi berkaitan sains, teknologi dan inovasi di peringkat nasional. Oleh yang demikian, kaedah pengkomersialan harta intelek yang dibiayai oleh Agensi Kerajaan/ Institusi Penyelidikan akan membantu memudahkan proses dan prosedur tersebut.

5.2. Strategi 2: Menyediakan insentif kewangan dan bukan kewangan bagi menggalakkan pengkomersialan harta intelek Agensi Kerajaan/ Institusi Penyelidikan.

5.2.1. Rasional: Dalam hal berkaitan, apabila insentif berbentuk kewangan adalah terhad, inisiatif lain wajar dilaksanakan agar motivasi pereka cipta sentiasa berterusan dan tidak terbantut. Sebagai contoh, insentif bukan kewangan paling minimum yang berbentuk surat penghargaan/ sijil boleh dipertimbangkan oleh Ketua Jabatan bagi mengiktiraf pereka cipta bagi terus menggalakkan inovasi, walaupun reka cipta tersebut tidak berjaya dikomersialkan. Ini adalah kerana Ketua Jabatan di Agensi Kerajaan/ Institusi Penyelidikan lebih maklum mengenai peluang pengkomersialan yang boleh dicapai berdasarkan jenis penyelidikan dan hubungan dengan industri di peringkat mereka.

5.3. Strategi 3: Mempertingkatkan kolaborasi dan perkongsian platform penyelidikan dan pengkomersialan.

5.3.1. Rasional: Apabila aktiviti pengkomersialan oleh universiti dipertingkatkan lagi kelak, akan berlaku pertindihan dan persaingan antara universiti dengan institusi penyelidikan. Bagi memperkasakan kapasiti Sains, Teknologi & Inovasi, negara memerlukan penambahbaikan dari segi kolaborasi dan kerjasama antara agensi. Selain itu, pereka cipta memerlukan kepakaran melalui latihan kolaborasi bersama pihak luar berkaitan bidang perniagaan (pemasaran, promosi, pengeluaran dan berkaitan) untuk meningkatkan usaha dan motivasi dalam bidang pengkomersialan.

5.4. Strategi-strategi ini akan dilaksanakan melalui sembilan (9) pelan tindakan di bawah dengan perincian sebagaimana dalam lampiran Dasar:

5.4.1. Menyediakan manual/ garis panduan berkenaan kaedah dan proses kerja pengkomersialan harta intelek yang dibiayai oleh Kerajaan untuk kegunaan Agensi Kerajaan/ Institusi Penyelidikan dan pegawai awam;

5.4.2. Menyediakan panduan pengagihan hasil terimaan pengkomersialan harta intelek kepada pereka cipta/ Agensi Kerajaan;

5.4.3. Menyediakan satu standard pengkomersialan yang boleh diterima sebagai standard nasional dan digunapakai oleh agensi awam dan swasta;

- 5.4.4. Menyediakan dana kepada pereka cipta dan Agensi Kerajaan/ Institusi Penyelidikan ke arah pemilikan harta intelek dan pengkomersialan;
 - 5.4.5. Menyediakan insentif kewangan kepada pereka cipta untuk ciptaan yang didaftarkan sebagai harta intelek dan dikomersialkan;
 - 5.4.6. Menyediakan insentif bukan kewangan kepada pereka cipta sebagai pengiktirafan, dan kepada Agensi Kerajaan/ Ketua Agensi Kerajaan sebagai penghargaan;
 - 5.4.7. Mewujudkan elemen insentif cukai kepada pereka cipta yang mengkomersialkan harta intelek;
 - 5.4.8. Mengutamakan permohonan dana yang mempunyai elemen kolaborasi dengan pihak berkepakaran lain termasuk industri, *Non-Profiit Organisation*/ Persatuan/ Koperasi serta individu yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang kepakaran yang spesifik; dan
 - 5.4.9. Menyediakan platform perkongsian kemudahan penyelidikan seperti data, fasiliti, peralatan dan khidmat nasihat termasuk latihan dan kemahiran pengkomersialan.
- 5.5. Sebuah Manual Operasi Dasar ini juga telah disediakan bagi menjelaskan tatacara pelaksanaan bagi menyokong pelaksanaan pelan tindakan Dasar ini.

6. KESIMPULAN

- 6.1. Dalam usaha negara untuk meningkatkan pengkomersialan, amnya didapati Malaysia masih ketinggalan di peringkat antarabangsa. Pada

masa yang sama, pereka cipta bersungguh-sungguh mendapatkan perlindungan harta intelek termasuklah di luar negara; yang bermaksud terdapat hasrat untuk mengkomersialkan reka cipta tersebut. Pengamatan ke atas profil kumpulan pereka cipta mendapati sebahagian besar adalah terdiri daripada agensi berkaitan Kerajaan dan telah wujud satu momentum bagi kumpulan ini untuk terus melaksanakan penyelidikan yang hasil reka cipta tersebut dilindungi sebagai harta intelek, dan seterusnya mengkomersialkan bagi menjana pendapatan.

- 6.2. Momentum ini perlu dipelihara kesinambungannya sebaik mungkin dan oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk memperkasa pembiayaan R&D, kreativiti dan inovasi ke arah pengkomersialan. Dalam masa yang sama, inisiatif pemeriksaan ini boleh dilaksanakan dengan pembentukan satu dasar khusus yang melengkapinya dasar negara sedia ada yang berkaitan R&D, harta intelek dan pengkomersialan.
- 6.3. **Dasar Pengkomersialan Harta Intelek dan Reka Cipta Dibiayai Kerajaan** ini menggariskan tiga (3) strategi dengan sembilan (9) pelan tindakan jangka masa pendek dan sederhana bermula 2021 hinggalah 2025. Bagi memastikan objektif tercapai, pemantauan dan kajian terhadap keberkesanan setiap inisiatif akan dilaksanakan secara berkala. Kesemua strategi ini memerlukan kerjasama semua pemegang taruh dan Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan termasuk pemegang taruh yang paling penting iaitu para pereka cipta pegawai awam sendiri. Dengan Dasar ini, adalah diharapkan nilai pengkomersialan harta intelek hasil penyelidikan yang dibiayai Kerajaan boleh menyumbang kepada satu tahap yang signifikan ke atas ekonomi dan sosial negara pada 2025.

RUJUKAN

- Akademi Sains Malaysia, *FASTREx 2021-2030 Final Report*, 2018
- Akademi Sains Malaysia, *Science Outlook 2017*, 2018
- Data MyIPO kepada MOSTI
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, *Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*, 2019
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, *Industry 4WRD: National Policy on Industry 4.0*, 2018
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, *Dasar Harta Intelek Negara*, 2007
- Kementerian Pendidikan Malaysia, *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025*, 2015, Pendidikan Tinggi
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, *Dasar Keusahawanan Nasional 2030*, 2020
- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, (MOSTI), *Dasar Sains, Teknologi & Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030*, 2020
- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, (MOSTI), *MOSTI in Figures Q4 2018*, 2019
- OECD, *Science, Technology And Innovation Outlook 2016*, 2016
- OECD, *Science, Technology And Innovation Outlook 2018*, 2018
- United Nations, *Sustainable Development Goals Report 2017*, 2018
- United Nations, *Report of the Secretary-General on SDG Progress 2019, Special Edition*, 2019
- World Intellectual Property Organization, "Committee on Development and Intellectual Property", Sesi 16, Geneva, 9-13 November, 2015 dalam *Guide On Intellectual Property Commercialization*
- World Intellectual Property Organization, *Country Profile*, diakses pada 14 Jun 2019 melalui <http://www.wipo.int/portal/en/index/html>
- World Intellectual Property Organization, *Intellectual Property Handbook: Policy, Law and Use*, Edisi Kedua, 2008
- World Intellectual Property Organization, *World Intellectual Property Indicators*, 2018

PELAN TINDAKAN

Strategi 1: Menyeragamkan kaedah pengkomersialan harta intelek agensi Kerajaan/ Institusi Penyelidikan.

BIL.	PELAN TINDAKAN	TANGGUNG-JAWAB	SASARAN
1.	Menyediakan manual/ garis panduan berkenaan kaedah dan proses kerja pengkomersialan harta intelek yang dibiayai oleh Kerajaan untuk kegunaan Agensi Kerajaan/ Institusi Penyelidikan dan pegawai awam	MOSTI	Penerimaan dan penggunaan manual / garis panduan oleh Agensi Kerajaan dalam tempoh 2 tahun
2.	Menyediakan panduan pengagihan hasil terimaan pengkomersialan harta intelek kepada pereka cipta/ Agensi Kerajaan	MOSTI	Penerimaan dan penggunaan panduan dalam tempoh 2 tahun
3.	Menyediakan satu standard pengkomersialan yang boleh diterima sebagai standard nasional dan digunapakai oleh agensi awam dan swasta	SIRIM/ STANDARDS MALAYSIA	Penerimaan dan penggunaan standard dalam tempoh 2 tahun

Strategi 2: Menyediakan insentif kewangan dan bukan kewangan bagi menggalakkan pengkomersialan harta intelek Agensi Kerajaan/ Institusi Penyelidikan.

BIL.	PELAN TINDAKAN	TANGGUNG-JAWAB	SASARAN
1.	Menyediakan dana kepada pereka cipta dan Agensi Kerajaan/ Institusi Penyelidikan ke arah pemilikan harta intelek dan pengkomersialan	Kementerian/ Agensi pengeluar dana	20% peningkatan bilangan harta intelek yang dikomersialkan pada 2025 berbanding 2021
2.	Menyediakan insentif kewangan kepada pereka cipta untuk ciptaan yang didaftarkan sebagai harta intelek dan dikomersialkan	Agensi Kerajaan/ Institusi Penyelidikan	50% peningkatan bilangan pereka cipta yang diberi insentif pada 2025 berbanding 2021
3.	Menyediakan insentif bukan kewangan kepada pereka cipta sebagai pengiktirafan, dan kepada Agensi Kerajaan/ Ketua Agensi Kerajaan sebagai penghargaan	Agensi Kerajaan/ Institusi Penyelidikan	50% peningkatan bilangan penerima pengiktirafan pada 2025 berbanding 2021
4.	Mewujudkan elemen insentif cukai kepada pereka cipta yang mengkomersialkan harta intelek	MOF	50% peningkatan penerima insentif cukai pada 2025 berbanding 2021

Strategi 3:Mempergiatkan kolaborasi dan perkongsian platform penyelidikan serta pengkomersialan.

BIL.	PELAN TINDAKAN	TANGGUNG-JAWAB	SASARAN
1.	Mengutamakan permohonan dana yang mempunyai elemen kolaborasi dengan pihak berkepakaran lain termasuk industri, <i>Non-Profiit Organisation/ Persatuan/ Koperasi</i> serta individu yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang kepakaran yang spesifik	Agensi Kerajaan/ Institusi Penyelidikan	50% peningkatan bilangan kelulusan pemohon yang mempunyai elemen kolaborasi pada 2025 berbanding 2021
2.	Menyediakan platform perkongsian kemudahan penyelidikan seperti data, fasiliti, peralatan dan khidmat nasihat termasuk latihan dan kemahiran pengkomersialan	Agensi Kerajaan/ Institusi Penyelidikan	50% peningkatan perkongsian pada 2025 berbanding 2021



KERAJAAN MALAYSIA

MANUAL OPERASI

**PENGGOMERSIALAN HARTA INTELEK DAN REKA CIPTA
DIBIYAI OLEH KERAJAAN**

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
2021

ISI KANDUNGAN

1. PENGENALAN	4
2. OBJEKTIF MANUAL OPERASI	4
3. TAKRIFAN	5
4. JENIS-JENIS HARTA INTELEK	8
Paten, Cap Dagangan, Reka Bentuk Perindustrian, Petunjuk Geografi, Hak Cipta, Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu	11
5. PEMILIKAN KE ATAS HARTA INTELEK HASIL R&D, KREATIVITI DAN INOVASI YANG DIBIYAI OLEH KERAJAAN	13
REKA CIPTA OLEH AGENSI KERAJAAN DAN PEGAWAI	13
PENYELIDIKAN USAHA SAMA DENGAN PIHAK KETIGA	14
PEROLEHAN TEKNOLOGI HARTA INTELEK.....	15
PROGRAM <i>OFF-SET</i>	16
6. PENDAFTARAN DAN PENYELENGGARAN HARTA INTELEK	16
7. PERANAN AGENSI KERAJAAN BAGI EKSPLOITASI HARTA INTELEK	17
TANGGUNGJAWAB BERSAMA PEREKA CIPTA DAN AGENSI KERAJAAN KE ATAS PENDEDAHAN DAN PENILAIAN KE ATAS REKA CIPTA	18
8. PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK	20
PRA-RUNDINGAN.....	20
PILIHAN KAEDAH PENGKOMERSIALAN	21
Pelesenan.....	21
Penyerahan Hak, <i>Spin-Off</i> , Usahasama	22
SYARAT KHAS PEMBUATAN DAN PENGILANGAN DI MALAYSIA	22
KEWAJIBAN PEREKA CIPTA SECARA BERTERUSAN	23
PERANAN KETUA AGENSI KERAJAAN DALAM PENGKOMERSIALAN	24
9. PENGURUSAN HASIL/ TERIMAAN PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK	25
JADUAL AGIHAN TERIMAAN HASIL	26
10. TATACARA PENGAGIHAN HASIL PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK KEPADA PEREKA CIPTA/ PENYELIDIK	26
11. INSENTIF KEPADA PEREKA CIPTA UNTUK CIPTAAN	27
12. PERANAN MOSTI SEBAGAI PUSAT RUJUKAN PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK MILIK KERAJAAN DAN AGENSI BERKAITAN	28
KHIDMAT NASIHAT	28
PENYELESAIAN PERTIKAIAN.....	29
Jawatankuasa Pemandu Pengkomersialan Harta Intelek.....	30
13. HAK KERAJAAN	30
14. PENIPUAN PEROLEHAN DANA DAN HAK HARTA INTELEK	31

15. HAK MORAL DAN NILAI ETIKA	32
LAMPIRAN	
A1 – Carta Alir Permohonan Pendaftaran Paten/ Pembaharuan Utiliti	33
A2 – Carta Alir Permohonan Pendaftaran Cap Dagangan.....	34
A3 – Carta Alir Permohonan Pendaftaran Reka Cipta Perindustrian	35
A4 – Carta Alir Permohonan Pendaftaran Petunjuk Geografi	36
A5 – Carta Alir Permohonan Pendaftaran Hak Cipta.....	37
B – Contoh Kaedah Pengiraan Agihan Bayaran Royalti Kepada Pereka Cipta Dan Penyelidik Daripada Hasil Terimaan Bersih	38
Senario 1: Secara Tahunan	39
Senario 2: Secara Sekali Bayar (<i>One-off/ Lump-Sum</i>)	40
Senario 3: Berdasarkan Peratus Jualan	42
C1 – Carta Alir Pengagihan hasil Pengkormersialan Harta Intelek Kepada Pereka Cipta/ Penyelidik (Menggunakan Akaun Amanah Agensi Kerajaan).....	44
C2 – Proses Kerja Pengagihan hasil Pengkormersialan Harta Intelek Kepada Pereka Cipta/ Penyelidik (Menggunakan Akaun Amanah Agensi Kerajaan).....	46
D1 – Carta Alir Pengagihan hasil Pengkormersialan Harta Intelek Kepada Pereka Cipta/ Penyelidik (Menggunakan Akaun Amanah M.S.P.K oleh MOSTI	50
D2 – Proses Kerja Pengagihan hasil Pengkormersialan Harta Intelek Kepada Pereka Cipta/ Penyelidik (Menggunakan Akaun Amanah M.S.P.K oleh MOSTI	52
E – Contoh Dokumen Perjanjian Pelesenan.....	57
F – Contoh <i>Non-Disclosure Agreement</i> - NDA	78

1. PENGENALAN

- 1.1. Selaras dengan aspirasi Kerajaan dalam menyediakan kerangka dan persekitaran yang lebih baik untuk menggalakkan reka cipta, kerja-kerja kreativiti dan inovasi, pemindahan teknologi, mengeksploitasi hak Harta Intelek untuk tujuan komersial dan memberi ganjaran sewajarnya kepada semua pihak yang berkaitan, Kerajaan telah mengeluarkan Dasar Pengkomersialan Harta Intelek Hasil Daripada Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Yang Dibiayai Oleh Kerajaan (disebut sebagai “Dasar Asal”) melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 30 Tahun 2009 yang berkuat kuasa mulai 1 Jun 2009. Dasar ini terpakai kepada semua Kementerian, Jabatan, Agensi, Institusi Penyelidikan dan pegawai awam yang terlibat dalam pengkomersialan Harta Intelek milik Kerajaan. (Naskhah Dasar Asal tersebut boleh diperolehi melalui muat turun secara atas talian di laman sesawang Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).
- 1.2. Berasaskan isu semasa berhubung aktiviti pengkomersialan Harta Intelek, Dasar Asal ini disemak semula supaya lebih komprehensif dan lebih praktikal untuk dilaksanakan oleh semua Kementerian, Jabatan dan Agensi, terutamanya Agensi dan Institusi yang menjalankan kerja-kerja R&D melalui dana/ peruntukan yang dibiayai oleh Kerajaan. Manual Operasi ini terpakai kepada semua pihak yang berkaitan dalam Dasar Pengkomersialan Harta Intelek dan Reka Cipta Dibiayai Kerajaan (disebut sebagai “Dasar Baharu”), manakala pemakaian bagi Badan Berkanun adalah tertakluk kepada pihak berkuasa Badan Berkanun masing-masing.

2. OBJEKTIF

- 2.1. Objektif Manual Operasi ini adalah seperti berikut:
 - 2.1.1. untuk mewujudkan rangka kerja seragam ke atas pemilikan dan pengurusan Harta Intelek dari aspek penciptaan, perlindungan, kreativiti, inovasi, eksploitasi dan pemindahan teknologi serta pengkomersialan produk/ teknologi yang dijalankan oleh Kementerian, Jabatan, agensi, institusi penyelidikan dan pegawai awam;
 - 2.1.2. untuk mempromosi dan memudahcara perlindungan Harta Intelek sejajar dengan Dasar Harta Intelek Negara; dan

- 2.1.3. untuk mempromosi dan memudahkan eksploitasi dan pengkomersialan Harta Intelek yang dihasilkan daripada projek-projek yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia.

3. TAKRIFAN

- 3.1. Dalam Manual Operasi ini, beberapa istilah yang diguna pakai ditakrifkan seperti berikut:

3.1.1. **“Agensi Kerajaan”** merujuk kepada Kementerian, Jabatan dan organisasi Kerajaan yang menjalankan kerja-kerja penyelidikan & pembangunan (R&D), kreativiti & inovasi dan/ atau menerima dana/ peruntukan kewangan bagi maksud yang sama;

3.1.2. **“Badan Berkaitan”** merujuk kepada rujukan kolektif kepada Kementerian, Agensi Kerajaan dan Institusi Penyelidikan;

3.1.3. **“dana”** merujuk kepada sebarang bentuk dana yang diperuntukan oleh Kerajaan Malaysia bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D), perolehan, pra-pengkomersialan, dan pengkomersialan Harta Intelek;

3.1.4. **“Dasar Pengkomersialan Harta Intelek”** merujuk kepada Dasar Pengkomersialan Harta Intelek dan Reka Cipta Dibiayai Kerajaan 2021-2025 yang dikeluarkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berkuat kuasa mulai Oktober 2021;

3.1.5. **“Harta Intelek”** adalah merujuk kepada apa-apa reka cipta, karya, ciptaan, rekaan, varieti baru tumbuhan, maklumat sulit termasuk rahsia perdagangan yang layak untuk mendapat perlindungan melalui apa-apa undang-undang Harta Intelek. Peruntukan undang-undang bagi Harta Intelek semasa di Malaysia seperti:

- a) Perlembagaan Persekutuan (Perkara 13 – “Hak terhadap harta”),
- b) Akta Paten 1983 (Akta 291),
- c) Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332),
- d) Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815),
- e) Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 (Akta 552),
- f) Akta Petunjuk Geografi 2000 (Akta 602),

- g) Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 (Akta 601),
 - h) Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta 634); dan
 - i) Undang-undang tidak bertulis (atau *Common Law*) yang berkaitan dengan maklumat sulit (*confidential information*) dan rahsia perdagangan (*trade secret*) yang berkuat kuasa di Malaysia;
- 3.1.6. **“Harta Intelek derivatif”** merujuk kepada Harta Intelek baru yang dihasilkan dengan menggunakan Harta Intelek yang asal;
- 3.1.7. **“Harta Intelek milik Kerajaan”** merujuk kepada semua Harta Intelek yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia;
- 3.1.8. **“hasil terimaan bersih”** merujuk kepada jumlah pendapatan terimaan yang ditolak dengan semua perbelanjaan yang terlibat sepanjang proses pengkomersialan;
- 3.1.9. **“Institusi Penyelidikan”** bermaksud Universiti dan Institusi Pengajian Tinggi/ Institusi Pendidikan Sekolah yang dibiayai oleh Awam, Institusi Kerajaan dan Agensi Kerajaan;
- 3.1.10. **“Kementerian”** ertinya mana-mana Kementerian Kerajaan Malaysia;
- 3.1.11. **“Kerajaan”** merujuk kepada Kerajaan Malaysia;
- 3.1.12. **“Ketua Agensi Kerajaan”** merujuk kepada pegawai yang mengetuai sesebuah Agensi Kerajaan, atau mana-mana pegawai yang diwakilkan kuasa secara bertulis oleh Agensi Kerajaan untuk bertindak bagi pihaknya;
- 3.1.13. **“lesen”** bermaksud hak untuk mengeksploitasi mana-mana hak Harta Intelek yang diberikan oleh pemilik, pemberi lesen, kepada orang lain, pemegang lesen, termasuk suatu lesen kecil;
- 3.1.14. **“Kumpulan Wang Amanah (KWA) Majlis Sains Dan Penyelidikan Kebangsaan (MSPK)”** atau nama lain yang diberikan kepada KWA MSPK ini bermaksud suatu amanah yang diwujudkan bertujuan mengawal pengurusan suatu

kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];

- 3.1.15. “**maklumat sulit**” bermaksud sebarang maklumat atau data bisnes/ saintifik termasuk maklumat lisan dan visual atau data yang direkod secara bertulis atau mana-mana medium lain atau cara lain;
- 3.1.16. “**penerima dana**” bermaksud sesiapa yang menerima Dana daripada Badan Yang Berkaitan;
- 3.1.17. “**pengkomersialan**” merujuk kepada aktiviti penajaan pendapatan atau penjimatan secara langsung atau tidak langsung melalui idea, penyelidikan, reka cipta, kreativiti dan inovasi yang dihasilkan dalam bentuk produk, perkhidmatan, teknologi, proses dan/ atau sistem organisasi yang dipasarkan melalui kaedah-kaedah pengkomersialan seperti penjualan, pelesenan, penyerahan hak, pengembangan (*spin-off*), pengilangan, pembungkusan, usaha sama, francais dan lain-lain;
- 3.1.18. “**penyerahan hak (Assignment)**” bermaksud pemindahan ke atas pemilikan hak Harta Intelek;
- 3.1.19. “**perbelanjaan**” bermaksud semua butiran belanja yang berlaku semasa fasa pengkomersialan Harta Intelek. Ia meliputi pemfailan Harta Intelek, pendaftaran dan yuran guaman, insurans Harta Intelek, kos penyelenggaraan, pelan perniagaan, kos pelesenan, kos pentadbiran, kos perjalanan dan penginapan, peruntukan rizab ke dalam Akaun Amanah/ Tabung bagi tujuan kerja-kerja R&D, kreativiti dan inovasi, dan lain-lain kos terlibat yang munasabah;
- 3.1.20. “**Pereka Cipta**” atau “**Penyelidik**” adalah seorang pegawai atau lebih yang mencipta atau menjalankan penyelidikan sehingga menghasilkan reka cipta atau memberi sumbangan secara intelek ke atas pembangunan reka cipta;
- 3.1.21. “**perolehan Harta Intelek**” bermaksud perolehan melalui penyerahan hak, lesen (eksklusif atau bukan eksklusif atau tunggal), atau sebarang cara undang-undang lain melalui pembiayaan (secara keseluruhan atau sebahagian) oleh Badan Berkaitan;

- 3.1.22. "**perolehan teknologi**" bermaksud Perolehan Harta Intelek seperti yang ditakrifkan di atas;
- 3.1.23. "**Pihak Ketiga**" bermaksud mana-mana entiti bukan kerajaan sama ada syarikat, pertubuhan, mahupun badan berkaitan yang terlibat secara langsung dalam penghasilan Harta Intelek melalui aktiviti R&D, kreativiti dan inovasi;
- 3.1.24. "**program off set**" bermaksud suatu program yang dipersetujui sebagai sebahagian daripada perjanjian perolehan R&D antara Kerajaan Malaysia dengan entiti asing di mana entiti asing bersetuju untuk menyediakan, *interalia*, latihan, bantuan teknikal, pemindahan teknologi, peralatan, pembangunan infrastruktur atau program penyelidikan dan pembangunan ke Malaysia; dan
- 3.1.25. "**reka cipta**" adalah satu idea oleh Pereka Cipta sebagai ciptaan baharu atau penyelesaian masalah, sama ada dalam bentuk produk atau proses atau teknologi;

4. JENIS-JENIS HARTA INTELEK

- 4.1. Harta Intelek adalah merujuk kepada apa-apa reka cipta, karya, ciptaan, rekaan, produk/ hasil R&D, maklumat sulit termasuk rahsia perdagangan yang layak untuk mendapat perlindungan melalui apa-apa undang-undang Harta Intelek. Agensi Kerajaan dan Pereka Cipta perlu memahami jenis Harta Intelek yang paling sesuai dengan reka cipta yang dihasilkan. Maklumat terperinci mengenai jenis Harta Intelek boleh diperolehi daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) selaku badan bertanggungjawab pendaftaran dan khidmat nasihat Harta Intelek.

Jenis Harta Intelek & Akta Berkaitan	Definisi	Contoh	Tempoh Perlindungan
Paten Akta Paten 1983 (Akta 291)	Hak eksklusif yang diberikan terhadap suatu reka cipta. Reka cipta adalah suatu idea yang boleh dilaksanakan bagi menyelesaikan sesuatu masalah di	Komposisi baja yang baru, penemuan vaksin baru untuk mengubat sesuatu penyakit, baju sukan yang boleh menyerap peluh	20 tahun dari tarikh pemfailan. Tetapi paten perlu diperbaharui setiap tahun selepas kelulusan diberikan.

Jenis Harta Intelek & Akta Berkaitan	Definisi	Contoh	Tempoh Perlindungan
	dalam bidang teknologi.	dan mengekalkan permukaan kulit sentiasa kering, kipas tanpa bilah, perisian komputer yang boleh membantu pemandu kenderaan menuju ke destinasi yang dikehendaki.	
<p>Cap Dagangan (<i>Trademark</i>)</p> <p>Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815)</p>	Tanda yang boleh dinyatakan secara grafik yang boleh membezakan barang-barang atau perkhidmatan satu perusahaan daripada perusahaan-perusahaan yang lain.	Apa-apa huruf, perkataan, nama, tandatangan, angka, logo, jenama, tajuk, label, tiket, bentuk barang-barang atau bungkusannya, warna, bunyi, bau, hologram, kedudukan, urutan gerakan atau apa-apa gabungannya.	10 tahun dari tarikh pendaftaran dan pendaftaran boleh diperbaharui setiap 10 tahun.
<p>Reka Bentuk Perindustrian</p> <p>Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 (Akta 552)</p>	Ciri bentuk, tatarajah, corak, hiasan atau kombinasi gabungannya yang digunakan pada sesuatu barang melalui proses atau cara perindustrian.	Bentuk dan corak pasu, botol, bunga tayar	25 tahun maksimum dari tarikh pemfailan tertakluk kepada perlanjutan sebanyak 4 tempoh di mana setiap tempoh adalah selama 5 tahun. Perlindungan boleh dilanjutkan selama 4 tempoh di mana setiap tempoh perlindungan selama

Jenis Harta Intelek & Akta Berkaitan	Definisi	Contoh	Tempoh Perlindungan
			5 tahun. Ini bermakna tempoh maksimum perlindungan ialah selama 25 tahun. Pendaftaran boleh diperbaharui pada setiap 5 tahun dengan tempoh maksimum selama 25 tahun dari tarikh pemfailan.
<p>Petunjuk Geografi</p> <p>Akta Petunjuk Geografi 2000 (Akta 602)</p>	Tanda yang digunakan ke atas produk yang mempunyai kualiti dan reputasi yang boleh dikaitkan dengan suatu kawasan	Lada hitam dari Sarawak, Halia dari Tambunan, Sabah, Limau Bali dari Sungai Gedung, Perak	10 tahun dari tarikh pendaftaran dan pendaftaran boleh diperbaharui setiap 10 tahun.
<p>Hak Cipta (Copyright)</p> <p>Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332)</p>	<p>Hak eksklusif yang diberikan kepada pencipta ke atas sesuatu karya. Karya ditakrifkan sebagai penzahiran sesuatu idea (<i>expression of thoughts and ideas</i>).</p> <p>Karya tersebut mestilah asli dan dijadikan dalam bentuk bahan.</p>	<p>Karya sastera: buku, cerita, laporan, program komputer</p> <p>Karya muzik: gubahan muzik</p> <p>Karya seni: lukisan, fotograf, seni ukir, karya seni bina, model bangunan</p> <p>Filem: Rakaman gambar, kesan bunyi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sepanjang hayat pencipta dan sehingga 50 tahun selepas kematian pencipta bagi Karya Sastera, Muzik atau Seni • 50 tahun selepas diterbitkan bagi Karya Filem, Rakaman Bunyi atau Terbitan • 50 tahun dari siaran pertama bagi Karya Siaran bunyi

Jenis Harta Intelek & Akta Berkaitan	Definisi	Contoh	Tempoh Perlindungan
	<p>Karya yang dilindungi dibawah hakcipta adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karya sastera • Karya muzik • Karya seni • Filem • Rakaman bunyi • Siaran • Karya Terbitan 	<p>Rakaman bunyi: Rakaman lagu “Isabella” dalam kaset, <i>compact disc</i> (CD) atau format MP3.</p> <p>Siaran: Berita “Buletin Utama TV3”</p> <p>Terbitan: Terjemahan</p>	
<p>Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu</p> <p>Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 (Akta 601)</p>	<p>Susunan tiga dimensi litar bersepadu untuk tujuan persediaan bagi proses perkilangan</p>	<p><i>Integrated circuit design</i> untuk mikropemproses</p>	<p>10 tahun dari tarikh reka bentuk dieksploitasi secara perdagangan</p>
<p>Perbaharuan Utiliti (<i>Utility Innovation</i>)</p> <p>Akta Paten 1983 (Akta 291)</p>	<p>Hak eksklusif yang diberikan terhadap suatu reka cipta yang mudah, yang mana ia tidak perlu mematuhi syarat langkah merekacipta sebagaimana yang diperlukan untuk mendapatkan paten.</p>	<p>Baju sukan yang boleh menyerap peluh dan mengekalkan permukaan kulit sentiasa kering, kipas tanpa bilah, perisian komputer yang boleh membantu pemandu kenderaan menuju</p>	<p>10 + 5 + 5 tahun dari tarikh pemfailan tertakluk kepada penggunaan.</p>

Jenis Harta Intelek & Akta Berkaitan	Definisi	Contoh	Tempoh Perlindungan
		ke destinasi yang dikehendaki. *Nota: Reka cipta ini tidak perlu memenuhi syarat “langkah mereka cipta” seperti yang dikehendaki bagi paten	
<p>Trade Secret</p> <p>Undang-undang tidak bertulis (atau <i>Common Law</i>) yang berkaitan dengan maklumat sulit (<i>confidential information</i>) dan rahsia perdagangan (<i>trade secret</i>) yang berkuat kuasa di Malaysia</p>	<p>Rahsia Perdagangan adalah apa-apa maklumat:</p> <ul style="list-style-type: none"> -yang secara amnya tidak diketahui oleh orang ramai; -yang memberikan manfaat keuntungan ekonomi kepada pemiliknya. -yang mana usaha yang sewajarnya telah dilakukan untuk mengekalkan kerahsiaannya. <p>Rahsia perdagangan berterusan selagi maklumat itu dikekalkan sebagai rahsia perdagangan.</p>	<p>Strategi pemasaran syarikat, data penyelidikan, penyata kewangan syarikat, profil pelanggan dan apa sahaja maklumat yang digunakan dalam perniagaan.</p> <p>Maklumat teknikal dalam proses pembuatan sesuatu produk seperti formulasi bahan kimia atau resipi masakan (contoh: Formula WD-40, resipi Coca-Cola), algoritma komputer (algoritma carian Google).</p>	<p>Tiada pendaftaran bagi Rahsia Perdagangan di Malaysia. Perlindungan adalah berdasarkan perjanjian kontrak seperti <i>Non-Disclosure Agreement (NDA)</i> dan juga berdasarkan <i>Common law: tort of breach of confidence</i></p> <p>Tempoh perlindungan selamanya selagi rahsia tersebut tidak bocor. Ia banyak bergantung kepada inisiatif pemilik untuk menjaga kerahsiaan maklumat tersebut.</p>

5. PEMILIKAN KE ATAS HARTA INTELEK HASIL R&D, KREATIVITI DAN INOVASI YANG DIBIYAI OLEH KERAJAAN

- 5.1. Secara prinsipnya, semua Harta Intelek yang diperoleh melalui pembiayaan Kerajaan hendaklah terlebih dahulu terletak hak kepada Kerajaan. Pemilikan reka cipta oleh Agensi Kerajaan dan pegawai awam adalah seperti berikut:
 - 5.1.1. Semua Harta Intelek yang dihasilkan melalui kerja-kerja R&D, kreativiti dan inovasi adalah **dimiliki oleh Agensi Kerajaan yang membangunkan reka cipta dan/ atau melakukan penyelidikan atau aktiviti tersebut**;
 - 5.1.2. Dalam keadaan aktiviti R&D, kreativiti dan inovasi yang dihasilkan di luar lingkungan tugas hakiki Pereka Cipta/ Penyelidik tetapi menggunakan apa-apa peralatan, data, maklumat dan premis Agensi Kerajaan, semua Harta Intelek yang dihasilkan adalah **dimiliki sepenuhnya oleh Agensi Kerajaan**; atau
 - 5.1.3. Semua Harta Intelek yang dihasilkan melalui aktiviti R&D, kreativiti dan inovasi yang dihasilkan secara bersama antara Agensi Kerajaan dan Pihak Ketiga boleh **dimiliki secara bersama oleh Agensi Kerajaan dan Pihak Ketiga** tersebut, dengan syarat aktiviti tersebut dibiayai secara bersama dan dipersetujui perkongsian Harta Intelek melalui perjanjian.
- 5.2. Pemilikan ke atas Harta Intelek adalah turut meliputi semua "*Proof-of-Concept*" prototaip, lukisan (*drawing*), manual dan apa-apa dokumen yang disediakan atau dihasilkan untuk membangunkannya secara salinan keras (*hardcopy*) dan salinan lembut (*softcopy*).
- 5.3. Badan Berkaitan/ Agensi Kerajaan tidak akan menegaskan apa-apa hak atau tuntutan pemilikan mana-mana Harta Intelek di Malaysia berhubung dengan buku-buku ilmiah, artikel, audio visual kuliah atau lain-lain karya ilmiah atau subjek yang dihasilkan oleh penyelidik atau staf akademik kecuali jika kerja tersebut ditugaskan secara khusus oleh Badan Berkaitan/ Agensi Kerajaan berkenaan.
- 5.4. Badan Berkaitan/ Agensi Kerajaan berhak menentukan mana-mana negara untuk mencari perlindungan Harta Intelek dan bertanggungjawab untuk mengekalkan, dan menanggung kos penyelenggaraan dan kos yang berkaitan mendapatkan atau mengekalkan perlindungan sedemikian. Walau bagaimanapun, keputusan sama ada untuk

memohon, dan untuk mengekalkan perlindungan sedemikian hendaklah mengikut budi bicara Badan Berkaitan/ Agensi Kerajaan yang berkaitan.

- 5.5. Badan Berkaitan/ Agensi Kerajaan sebagai pemilik Harta Intelek perlu memastikan semua rekod termasuk nama Pereka Cipta direkodkan dengan sempurna.
- 5.6. Apa-apa bentuk eksploitasi/ penyerahan hak Harta Intelek oleh Badan Berkaitan/ Agensi Kerajaan sekiranya berkaitan hendaklah dimeterai melalui perjanjian di antara Kerajaan dan pihak yang menerima hak milik Harta Intelek.
- 5.7. Pemilikan Harta Intelek yang melibatkan pendanaan boleh diberi kepada Penerima Dana (tertakluk kepada terma dan syarat pendanaan yang ditetapkan oleh Pemberi Dana serta rundingan pengkomersialan) melalui perjanjian di antara Kerajaan dan Penerima Dana.
- 5.8. **Penyelidikan Usahasama dengan Pihak Ketiga Melalui Pendanaan Kerajaan**

5.8.1. Pemilikan Harta Intelek yang dicipta menerusi kerjasama Agensi Kerajaan dan Pihak Ketiga ditentukan seperti berikut:

- a) Secara prinsipnya, pemilikan Harta Intelek untuk semua kerjasama penyelidikan adalah hak milik sepenuhnya Agensi Kerajaan berkenaan. Pihak Ketiga akan mempunyai hak pertama untuk berunding sama ada bagi lesen eksklusif atau bukan eksklusif berdasarkan terma-terma komersial dengan Agensi Kerajaan berkenaan;
- b) Walau apa pun di perenggan 5.8.1(a) di atas, dalam keadaan di mana Pihak Ketiga telah membuat sumbangan besar kepada usaha yang menghasilkan penciptaan Harta Intelek, sebagai contoh dengan menyediakan pembiayaan dan dengan melibatkan diri dalam kerjasama saintifik atau teknikal dengan Agensi Kerajaan berkenaan; Agensi Kerajaan tersebut boleh, dengan kontrak perjanjian, bersetuju bahawa Harta Intelek yang terhasil akan dimiliki bersama; dan
- c) Semua perjanjian kerjasama tersebut juga hendaklah mengandungi syarat-syarat yang menentukan hak setiap pihak untuk mengkomersialkan Harta Intelek tersebut yang seterusnya dimiliki secara bersama.

- 5.8.2. Walau apa pun di perenggan 5.8.1(b) di atas, pemilikan tunggal boleh diberikan kepada Pihak Ketiga mengikut *case to case basis*, dengan syarat kriteria-kriteria berikut dipenuhi:
- a) Projek tersebut adalah tertumpu kepada pembangunan produk atau peningkatan kepada produk sedia ada atau perkhidmatan Pihak Ketiga di mana Harta Intelek yang terlibat dimiliki oleh Pihak Ketiga;
 - b) Agensi Kerajaan mendapat manfaat daripada projek tersebut dengan memperoleh pengalaman industri yang berkaitan melalui pendedahan yang diberikan menerusi kerjasama dengan Pihak Ketiga berkenaan; dan
 - c) Pihak Ketiga mesti menanggung kos penuh projek, termasuk kos tenaga kerja, peralatan dan kemudahan.

5.9. **Perolehan Teknologi dan Harta Intelek**

- 5.9.1. Perolehan Teknologi dan Harta Intelek adalah suatu proses memperoleh hak Harta Intelek untuk tujuan menggunakan atau memanfaatkan sesuatu teknologi tertentu atau Harta Intelek. Ia juga termasuk proses pemindahan teknologi di mana kepakaran asing terlibat untuk membangunkan teknologi tertentu di dalam negara.
- 5.9.2. Teknologi atau Harta Intelek boleh diperolehi melalui pembelian secara langsung atau melalui pelesenan (eksklusif atau bukan eksklusif atau secara tunggal), atau sebarang cara undang-undang yang lain.
- 5.9.3. Harta Intelek yang diperolehi di bawah perenggan 5.9 ini oleh Penerima Dana dengan pembiayaan yang disediakan secara keseluruhan atau sebahagian oleh Kerajaan dan diperolehi melalui perjanjian akan menjadi tanggungjawab Penerima Dana.
- 5.9.4. Semua Harta Intelek Derivatif yang dibangunkan daripada penggunaan teknologi yang diperolehi atau Harta Intelek akan dimiliki oleh pemerolehi. Pemerolehi akan mengambil semua langkah yang diperlukan untuk melindungi Harta Intelek yang diperolehi melalui pendaftaran atau cara lain.
- 5.9.5. Sekiranya produk akhir itu telah dikomersialkan, Penerima Dana akan membayar royalti kepada Agensi Kerajaan yang

berkaitan mengikut perjanjian pembiayaan perolehan. Jika tiada terma berkenaan royalti, Penerima Dana hendaklah membayar royalti yang adil dan saksama kepada Agensi Kerajaan tersebut.

- 5.9.6. Bagi melindungi kepentingan Kerajaan sekiranya berlaku bencana, dokumen perjanjian di bawah perenggan 5 ini perlulah menyatakan peruntukan-peruntukan undang-undang domestik sedia ada.

5.10. **Program *Off-Set***

- 5.10.1. Dalam merundingkan kontrak untuk perolehan R&D melalui peruntukan Kerajaan, Kementerian yang berkenaan hendaklah pada setiap masa bertindak demi kepentingan Malaysia dan memastikan bahawa apa-apa perjanjian yang dibuat antara Malaysia dan entiti asing hendaklah mengandungi peruntukan-peruntukan bagi pemindahan teknologi, latihan, pembangunan modal insan, bantuan teknikal, pembangunan infrastruktur atau program-program penyelidikan dan pembangunan untuk faedah Malaysia.
- 5.10.2. Pemilikan mana-mana Harta Intelek dan lain-lain kepentingan yang timbul daripada Program *Off-Set* tersebut adalah tertakluk kepada terma-terma yang dirundingkan, tetapi segala usaha hendaklah dilakukan untuk mendapatkan hak milik dan manfaat yang maksimum kepada Malaysia.

6. **PENDAFTARAN DAN PENYELENGGARAAN HARTA INTELEK**

- 6.1. Ketua Agensi Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan semua Harta Intelek dilindungi melalui undang-undang Harta Intelek dan/ atau apa-apa perundangan di dalam dan di luar Malaysia yang sedang berkuat kuasa, mengikut keperluan.
- 6.2. Ketua Agensi Kerajaan hendaklah memastikan bahawa semua peruntukan bagi tujuan pendaftaran dan penyelenggaraan Harta Intelek disediakan dan ditadbir oleh agensi masing-masing. Maklumat pemilikan Harta Intelek perlu dikemukakan kepada MOSTI bagi tujuan repositori maklumat di peringkat nasional.
- 6.3. Semua kaedah pendaftaran dan penyelenggaraan Harta Intelek hendaklah dirujuk kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Carta alir permohonan pendaftaran adalah seperti di **Lampiran A1** **hingga Lampiran A5**.

7. PERANAN AGENSI KERAJAAN BAGI EKSPLOITASI HARTA INTELEK

- 7.1. Agensi Kerajaan yang memiliki hak Harta Intelek perlu bertanggung jawab ke atas mengeksploitasi Harta Intelek tersebut sekiranya wajar tertakluk kepada peruntukan undang-undang semasa setiap jenis Harta Intelek, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, satu atau lebih daripada berikut:
- a) Mengenal pasti potensi pengkomersialan Harta Intelek;
 - b) Mengambil tindakan yang bersesuaian untuk melindungi Harta Intelek dan Agensi Kerajaan tersebut;
 - c) Mendapatkan penilaian bebas ke atas nilai Harta Intelek tersebut;
 - d) Menentukan mekanisme yang sesuai untuk mengeksploitasi Harta Intelek berkenaan termasuk pengkomersialan;
 - e) Mengenal pasti pemegang lesen yang berpotensi; dan
 - f) Memberikan hak kepada Pihak Ketiga.
- 7.2. Sekiranya Agensi Kerajaan berkenaan mengambil keputusan untuk mengkomersialkan Harta Intelek tersebut, Pereka Cipta harus memberikan bantuan yang bersesuaian untuk mencapai tujuan tersebut, sebagai contoh dengan memberikan maklumat apabila diperlukan, menghadiri mesyuarat dengan pemegang lesen yang berpotensi dan memberi nasihat teknikal bagi sebarang tindakan susulan, jika perlu.
- 7.3. Sekiranya Agensi Kerajaan tidak berminat untuk mendapatkan perlindungan Harta Intelek (seperti contoh pendaftaran paten/ perekodan keempunyaan hak cipta) atau untuk mengkomersialkan Harta Intelek tersebut, pihak Pereka Cipta perlu dimaklumkan secara bertulis. Setelah itu, Pereka Cipta boleh mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Agensi Kerajaan berkenaan supaya Harta Intelek tersebut diberikan kepadanya. Agensi Kerajaan perlu menulis kepada Agensi pemberi dana untuk mendapatkan kebenaran. Sekiranya kebenaran diberikan, Agensi pemberi dana akan mengekalkan lesen bukan eksklusif, tidak boleh dipindah milik, muktamad, bebas royalti ke atas Harta Intelek tersebut untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan. Sekiranya Pereka Cipta tidak mengkomersialkan Harta Intelek tersebut dalam jangka masa lima tahun tanpa sebarang alasan munasabah, Agensi pemberi dana boleh melaksanakan sebarang hak Pengkomersialan yang berkaitan ke atas Harta Intelek tersebut.

- 7.4. Agensi Kerajaan boleh mengekalkan hak milik ke atas ciptaan tersebut tetapi memberikan lesen kepada Pereka Cipta untuk mengeksploitasi Harta Intelek tersebut, sekiranya Agensi Kerajaan tersebut beranggapan ia adalah lebih bermanfaat untuk berbuat demikian.
- 7.5. Dalam semua keadaan di mana Harta Intelek merupakan hak milik bersama, kesemua pihak perlu memastikan sebarang hak untuk mengkomersialkan Harta Intelek tersebut dan perkongsian keuntungan telah ditentukan terlebih dahulu menerusi kontrak bertulis di antara kesemua pihak yang terlibat.
- 7.6. **Tanggungjawab Bersama Pereka Cipta dan Agensi Kerajaan Ke Atas Pendedahan dan Penilaian ke atas Reka Cipta**
- 7.6.1. Pereka Cipta diwajibkan untuk mendedahkan dan memaklumkan semua hasil ciptaan baharu kepada Agensi Kerajaan dan bekerjasama dengan Agensi tersebut dalam semua perkara, termasuk menyediakan butiran teknikal lengkap mengenai hasil ciptaan, maklumat pasaran yang relevan (jika ada), lukisan (*drawing*) dan nama-nama semua Pereka Cipta yang telah menyumbang secara intelektual kepada hasil ciptaan tersebut.
- 7.6.2. Pemberitahuan mengenai semua hasil ciptaan baharu hendaklah direkodkan secara bertulis dan dilaporkan kepada Agensi Kerajaan berkenaan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).
- 7.6.3. Setelah menerima notis, Agensi Kerajaan tersebut boleh menilai potensi komersial dan menjalankan penilaian ke atas hasil ciptaan menggunakan khidmat pakar dalam bidang teknologi yang bersesuaian.
- 7.6.4. Agensi Kerajaan berkenaan hendaklah, dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan notis itu, memaklumkan kepada Badan-badan berkaitan mengenai butiran hasil ciptaan tersebut.
- 7.6.5. Lanjutan daripada penilaian tersebut, Agensi Kerajaan ini, dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh penerimaan notis tersebut, perlu membuat pengesahan secara bertulis kepada Pereka Cipta sama ada Agensi Kerajaan akan meneruskan penilaian hasil ciptaan tersebut tertakluk kepada obligasi kepada pihak luar.

- 7.6.6. Di mana penilaian menunjukkan bahawa ciptaan boleh diaplikasi dalam industri dan mempunyai potensi komersial, Agensi Kerajaan perlu berusaha untuk melindungi hasil ciptaan tersebut.
- 7.6.7. Sekiranya terdapat obligasi yang terhutang kepada pihak luar di bawah syarat-syarat pembiayaan atau perjanjian penyelidikan berkenaan dengan hasil ciptaan, Agensi Kerajaan tersebut boleh menghubungi pihak luar berkenaan dan melaksanakan pengurusan intervensi yang sesuai mengikut syarat-syarat perjanjian dengan Pihak Ketiga.
- 7.6.8. Pereka Cipta hendaklah mengekalkan kerahsiaan butiran hasil ciptaan sehingga permohonan pendaftaran Harta Intelek difailkan atau sehingga keputusan dibuat oleh Agensi Kerajaan tersebut untuk membenarkan pendedahan.
- 7.6.9. Pereka Cipta boleh membantu ejen Paten berdaftar atau perunding Harta Intelek berdaftar yang disyorkan oleh Badan Berkaitan, untuk menyediakan, memfailkan permohonan pendaftaran Harta Intelek dan/atau proses dakwaan berkaitan Harta Intelek.
- 7.6.10. Apabila Pereka Cipta perlu mempromosikan hasil ciptaan bagi tujuan pengkomersialan kepada syarikat yang berpotensi sebelum pemfailan permohonan Harta Intelek, suatu Perjanjian Tidak Boleh Dedah (*non-disclosure agreement* - NDA) mesti ditandatangani dengan Ejen Pengkomersialan terbabit, sebelum apa-apa maklumat mengenai hasil ciptaan itu dizahirkan untuk memastikan bahawa kepentingan pihak-pihak berkaitan dilindungi.
- 7.6.11. Semua Pereka Cipta perlu memaklumkan kepada Agensi Kerajaan berkaitan mengenai identiti mana-mana pihak yang berminat bagi mengeksploitasi pengkomersialan ciptaan secara terperinci setelah fakta-fakta yang relevan diketahui. Semua Pereka Cipta dikehendaki mendedahkan sebarang konflik kepentingan kepada Agensi Kerajaan.

8. PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK

8.1. Pengkomersialan merujuk kepada aktiviti penjana pendapatan melalui idea, penyelidikan, reka cipta, kreativiti dan inovasi yang dihasilkan dalam bentuk produk, perkhidmatan, teknologi, proses dan/ atau sistem organisasi yang dipasarkan melalui pelbagai kaedah. Ia adalah proses yang dinamik dan bergantung kepada pelbagai faktor seperti penawaran, permintaan, pasaran dan kemampuan pihak yang terlibat.

8.2. Sebarang kaedah pengkomersialan Harta Intelekt yang dilaksanakan hendaklah mengambil kira peruntukan undang-undang semasa setiap jenis Harta Intelekt. Antara contoh kaedah pengkomersialan adalah seperti jualan atau *outright sales* Harta Intelekt kepada individu atau pihak atau syarikat yang berminat, pelesenan dan bayaran royalti. Sebelum aktiviti pengkomersialan berlaku, pihak-pihak yang terlibat perlu melakukan pra-rundingan terlebih dahulu.

8.3. Pra-rundingan

8.3.1. Pihak penerima dana, Pereka Cipta dan pihak yang akan mengkomersialkan *outcome* R&D dikehendaki untuk mendedahkan setiap maklumat mengenai produk/teknologi dan/atau hak Harta Intelekt dan maklumat yang berkaitan untuk dibincangkan di dalam rundingan. Perjanjian Tidak Boleh Dedah (NDA) mesti dilaksanakan sebelum sebarang maklumat sulit dikongsi.

8.3.2. Ketika rundingan kontrak dijalankan, pihak penerima dana boleh melantik pasukan rundingan dari mana-mana organisasi awam atau swasta, pakar-pakar dari luar, dan sumber dalaman yang dianggap perlu. Pasukan rundingan yang dilantik perlulah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut:

- a) Kepakaran teknikal dan pemahaman yang kukuh tentang teknologi yang dirundingkan;
- b) Mempunyai pemahaman yang mendalam mengenai undang-undang, peraturan, dasar-dasar kerajaan dan dasar-dasar atau syarat-syarat yang diguna pakai oleh pihak penerima dana; dan
- c) Kepakaran yang mencukupi mengenai pengkomersialan.

8.3.3. Pihak yang mewakili penerima dana hendaklah bertanggungjawab terhadap semua aktiviti pengkomersialan Harta Intelek seperti berikut:

- a) Penyelidikan pasaran;
- b) Mengenal pasti pihak-pihak yang mempunyai kepakaran dalam perniagaan atau teknikal untuk mengkomersialkan reka cipta dengan berkesan;
- c) Mengadakan perbincangan dengan pihak yang berminat dan berpotensi untuk menjadi pemegang lesen;
- d) Membangunkan pelan perniagaan; dan
- e) Merundingkan perjanjian.

8.4. Pilihan Kaedah Pengkomersialan

8.4.1. Pasukan rundingan perlu mempertimbangkan kesemua pilihan dan meneliti kelebihan dan kekurangan bagi setiap pilihan sebelum memeterai sebarang perjanjian. Sebarang kaedah pengkomersialan Harta Intelek yang dilaksanakan hendaklah mengambil kira peruntukan undang-undang semasa setiap jenis Harta Intelek, peraturan semasa penjawat awam dan menjaga kepentingan kerajaan.

8.4.2. **Pelesenan** - boleh di dalam bentuk Pelesenan Eksklusif, Pelesenan Bukan Eksklusif dan Pelesenan Penuh (*Sole Licence*) dan Pelesenan Bersilang (*Cross-Licence*), tertakluk kepada perenggan 8.5. Semua aturan pelesenan boleh dibuat mengikut lokasi geografi, masa, industri dan bidang-bidang permohonan.

- a) **Pelesenan Eksklusif** - Penerima dana memindahkan segala hak eksploitasi Harta Intelek kepada pemegang lesen. Ini bermakna penerima dana melepaskan hak sendiri untuk mengeksploitasi Harta Intelek atau memberikan sebarang pelesenan tambahan kepada pihak lain. Penerima dana harus mengekalkan hak untuk menggunakan, menjalankan penyelidikan dan pembangunan selanjutnya dan mengeksploitasi Harta Intelek untuk penggunaan bukan komersial.
- b) **Pelesenan Bukan Eksklusif** - Penerima dana boleh memberikan hak-hak eksploitasi Harta Intelek tersebut kepada satu atau lebih pihak, termasuk hak untuk mengeksploitasi Harta Intelek sendiri. Dalam Pelesenan Bukan Eksklusif, penerima dana boleh memberikan

kepada pemegang lesen, hak untuk memberi pelesenan (*sub-licensing rights*).

- c) **Pelesenan Tunggal (*Sole Licence*)** - Penerima dana memberikan segala hak eksploitasi Harta Intelek kepada pemegang lesen tetapi masih mengekalkan hak untuk mengeksploitasi Harta Intelek sendiri.
- d) **Pelesenan Bersilang (*Cross-Licence*)** - Opsyen ini membenarkan dua atau lebih pemilik Harta Intelek untuk memberi kuasa secara kontrak antara satu sama lain untuk menggunakan Harta Intelek mereka untuk tujuan komersial dan bukan komersial. Dalam aturan pelesenan silang, pertimbangan untuk hak-hak yang diberikan oleh satu pihak adalah pemberian mutlak yang diberikan oleh pihak yang lain. Terma pelesenan boleh merangkumi pembayaran yuran pelesenan atau royalti jika hak yang diberikan oleh pihak-pihak tersebut tidak mempunyai nilai yang setara.

8.4.3. **Penyerahan Hak (*Assignment*)** - Penerima dana memindahkan pemilikan lengkap kepada pihak lain (pemegang serah hak). Penyerahan hak ini melibatkan penjualan hak Harta Intelek kepada pemegang serah hak. Walau bagaimanapun, penyerahan hak secara sebahagiannya adalah dibenarkan, tertakluk kepada perenggan 8.4.2. Sebagai contoh, penyerahan hak boleh dibataskan oleh lokasi geografi.

8.4.4. **Syarikat *Spin-Off/ Start-Up*** - Penerima dana menubuhkan syarikat untuk tujuan mengkomersialkan Harta Intelek atau produk/ teknologi, di mana Pereka Cipta dan penerima dana boleh memiliki ekuiti dalam syarikat itu bersama dengan mana-mana Pihak Ketiga, mengikut kadar yang akan dirundingkan.

8.4.5. **Syarikat *Usahasama*** - Penerima menetapkan satu entiti bersama-sama dengan Pihak Ketiga untuk tujuan Pengkomersialan Harta Intelek dan/ atau produk/ teknologi di mana penerima dan Pihak Ketiga adalah pemegang saham syarikat tersebut.

8.5. **Syarat Khas Pembuatan dan Pengilangan di Malaysia**

8.5.1. Walau apa pun peruntukan yang terkandung dalam Dasar dan Manual Operasi ini, tiada Penerima Dana berhak memberi hak eksklusif untuk menggunakan atau menjual apa-apa ciptaan di

Malaysia kepada mana-mana pihak melainkan pihak tersebut bersetuju bahawa mana-mana produk yang merangkumi ciptaan atau dihasilkan melalui penggunaan ciptaan akan dibuat dan dikilangkan di Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu, perjanjian sedemikian boleh diketepikan di bawah perjanjian dana pembiayaan hasil reka cipta tersebut oleh Agensi pemberi dana atau pihak-pihak berkaitan, di mana penerima, atau pemegang serah hak menunjukkan bahawa:

- a) usaha yang munasabah telah dilakukan, tetapi tidak berjaya bagi memberikan lesen atas terma yang serupa kepada pemegang lesen yang berpotensi dan berkemungkinan besar dibuat dan dikilangkan reka cipta di Malaysia; atau
- b) dalam keadaan, di mana pembuatan dan pengilangan secara domestik tidak boleh dilaksanakan secara komersial; atau
- c) dalam keadaan, di mana Harta Intelek didaftarkan di luar negara dan terikat dengan peraturan pembuatan dan pengilangan negara berkenaan.

8.6. Kewajiban Pereka Cipta Secara Berterusan

- 8.6.1. Dalam keadaan di mana penglibatan Pereka Cipta diperlukan dan jika terdapat keperluan bagi Pereka Cipta dan/atau penerima dana untuk menyediakan bantuan teknikal yang berterusan atau terlibat dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan secara bersama selanjutnya, tahap, cara dan tempoh masa berkaitan obligasi Pereka Cipta dan/ atau penerima dana untuk memberikan bantuan sedemikian hendaklah dinyatakan secara terperinci di dalam perjanjian.
- 8.6.2. Pereka Cipta perlu menyediakan semua maklumat dan memberikan segala bentuk bantuan kepada Penerima dana dalam semua fasa permohonan pendaftaran Harta Intelek dan/ atau eksploitasi komersial Harta Intelek dari masa ke semasa selama diperlukan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penilaian terhadap Harta Intelek, membuat pindaan kepada spesifikasi dan tuntutan permohonan Paten, dan mengambil bahagian dalam sebarang prosiding mengenai pelanggaran Harta Intelek dan Pelesenan.

- 8.6.3. Pereka Cipta perlu mengisytiharkan harta dan kepentingan daripada peringkat awal dan di semua peringkat penglibatan serta mendapatkan kebenaran/ kelulusan secara bertulis daripada Ketua Agensi/ Jabatan tertakluk kepada perundangan semasa yang berkuat kuasa.
- 8.6.4. Pereka Cipta juga perlu menanamkan konsep penyelidikan yang lestari (*sustainable R&D*) dan eko-inovasi di sepanjang proses reka cipta.

8.7. Peranan Ketua Agensi Kerajaan

- 8.7.1. Dalam proses pengkomersialan Harta Intelek, Ketua Agensi Kerajaan berperanan untuk memastikan semua urusan seperti berikut diberi perhatian dan tindakan, iaitu:
- a) Melaksanakan intervensi yang sesuai dan mengikut tatacara perlindungan Harta Intelek ke atas reka cipta;
 - b) Menentukan kaedah pengkomersialan yang berstruktur dan sesuai mengikut penawaran dan permintaan pasaran semasa;
 - c) Mengenal pasti entiti yang sesuai dan berkebolehan bagi tujuan pengkomersialan;
 - d) Berbincang, berunding dan memuktamadkan Perjanjian Pengkomersialan dengan Ejen Pengkomersialan dan semua pihak berkaitan, termasuk menguatkuasakan apa-apa Perjanjian Tidak Boleh Dedah (*Non-disclosure Agreement*) (NDA);
 - e) Memastikan dokumen perjanjian antara Agensi Kerajaan dan entiti yang berkaitan disediakan dengan memasukkan terma-terma pemindahan teknologi, kaedah dan nilai yang dipersetujui bersama;
 - f) Mengikut kesesuaian, mengenal pasti produk R&D dan inovasi yang berpotensi untuk diguna pakai dan diperolehi oleh Agensi Kerajaan serta melaporkannya kepada Badan Berkaitan;
 - g) Bagi perenggan 8.7.1 (a) hingga 8.7.1 (f), menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Harta Intelek &

Pengkomersialan jika perlu, atau mengenal pasti satu Unit/ Bahagian yang bertanggungjawab dalam pemantauan dan tadbir urus R&D dan Inovasi Jabatan/ Agensi bagi perkara berkaitan Harta Intelek. Fungsi Unit Inovasi sedia ada di Kementerian/ Jabatan/ Agensi boleh diperluaskan dengan menambah baik terma rujukan melibatkan pengurusan Harta Intelek dan pengkomersialan.

9. PENGURUSAN HASIL/ TERIMAAN PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK

9.1 Ketua Agensi Kerajaan yang menerima hasil daripada pengkomersialan Harta Intelek perlu mengambil kira perkara-perkara berikut bagi memastikan hasil tersebut dapat diurus dengan baik, iaitu -

9.1.1 Menyedia dokumen perjanjian atau nota kerja antara Agensi Kerajaan dan Pereka Cipta/ Penyelidik dengan memasukkan butiran-butiran berikut:

- a) Senarai tanggungjawab semasa pemindahan teknologi meliputi terma dan syarat yang ditetapkan;
- b) Perkongsian hasil terimaan pengkomersialan mengikut kadar dan tempoh yang dipersetujui secara bersama termasuk dengan mengambil kira faktor persaraan/ pemberhentian/ kematian Pereka Cipta/ Penyelidik;
- c) Tempoh masa proses pemindahan teknologi; dan
- d) Perkara-perkara lain yang berkaitan dalam proses pengkomersialan.

9.1.2 Menyedia dan mengurus kaedah terimaan bayaran mengikut terma dan persetujuan antara pemilik Harta Intelek (Agensi Kerajaan) dan syarikat berkaitan;

9.1.3 Mengenal pasti jumlah perbelanjaan yang telah berlaku dan menyediakan peruntukan semua perbelanjaan yang akan berlaku/ terlibat sepanjang proses pengkomersialan;

9.1.4 Membuat pengiraan hasil terimaan bersih pengkomersialan Harta Intelek yang berkaitan termasuk mengambil kira auditan/ semakan hasil penjualan;

9.1.5 Mengagihkan hasil terimaan bersih mengikut kadar seperti panduan Jadual 1 berikut; dan

- 9.1.6 Membuat pengiraan terhadap perkongsian daripada hasil terimaan bersih kepada Pereka Cipta atau Penyelidik. Contoh kaedah pengiraan adalah **seperti di Lampiran B**;

Jadual 1 : Jadual Agihan Terimaan Hasil

Bil.	Terimaan Bersih (<i>setelah ditolak perbelanjaan</i>)*	Kadar Agihan	
		Pereka Cipta/ Penyelidik	Agensi Kerajaan/ Pemilik Harta Intelek
1.	RM250,000.00 yang pertama	100 %	0%
2.	RM250,001.00 sehingga RM1,000,000.00 yang berikutnya	80%	20%
3.	RM1,000,001.00 sehingga RM2,500,000.00 yang berikutnya	60%	40%
4.	RM2,500,001.00 sehingga RM5,000,000.00 yang berikutnya	50%	50%
5.	RM5,000,001.00 dan seterusnya	40%	60%

- 9.1.7 Semua perbelanjaan yang terlibat hendaklah diambil kira dan menggunakan wang hasil pengkomersialan secara sebahagian atau sepenuhnya.

10. TATACARA PENGAGIHAN HASIL PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK KEPADA PEREKA CIPTA/ PENYELIDIK

- 10.1 Prosedur pengagihan hasil pengkomersialan Harta Intelek kepada Pereka Cipta/ Penyelidik diterangkan seperti berikut:

10.1.1 Bagi Agensi Kerajaan yang mempunyai Akaun Amanah yang berkuat kuasa dan membenarkan prosedur pengagihan hasil ini dibuat, pengagihan hasil boleh dilaksanakan sebagaimana carta alir dan proses kerja di **Lampiran C1** dan **Lampiran C2**.

10.1.2 Bagi Agensi Kerajaan yang tidak mempunyai Akaun Amanah sebagaimana di perenggan 10.1.1, pengagihan hasil hendaklah dibuat berdasarkan prosedur Tabung Kumpulan Wang Amanah (KWA) Majlis Sains dan Penyelidikan Kebangsaan (MSPK) yang ditadbir oleh Kementerian Sains,

Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagaimana carta alir dan proses kerja di Lampiran D1 dan Lampiran D2.

11. INSENTIF KEPADA PEREKA CIPTA UNTUK CIPTAAN

- 11.1. Sebagai pengiktirafan terhadap penjanaan idea kreatif, inovasi dan penyelidikan, Agensi Kerajaan boleh menyediakan skim insentif untuk Pereka Cipta. Bayaran insentif tersebut adalah berdasarkan kategori seperti di bawah:
 - 11.1.1. Pendedahan ciptaan: RM500.00;
 - 11.1.2. Pemfailan paten: RM5,000.00;
 - 11.1.3. Pendaftaran paten (*Granted*): RM10,000.00
*(Pemberian insentif kewangan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Peringkat Agensi)
- 11.2. Dalam mana-mana permohonan dana, penerima hendaklah membuat peruntukan yang sewajarnya bagi insentif di atas.
- 11.3. Sekiranya penerima dana adalah institusi penyelidikan, penerima hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian Harta Intelek bagi menilai merit pendedahan Harta Intelek.
- 11.4. Sekiranya penerima dana adalah orang perseorangan, penilaian pendedahan Harta Intelek dan pembayaran insentif hendaklah dijalankan oleh pemiaya dana.
- 11.5. Dalam keadaan di mana terdapat satu atau lebih Pereka Cipta, insentif-insentif berkenaan Pereka Cipta akan diagihkan mengikut perjanjian yang jelas atau berdasarkan Pereka Cipta yang dinamakan dalam borang pendedahan reka cipta.
- 11.6. Mengikut kesesuaian, insentif juga boleh diberi dalam bentuk bukan kewangan seperti anugerah, surat pengiktirafan atau surat penghargaan kepada Pereka Cipta, Ketua Agensi Kerajaan atau Agensi Kerajaan.

12. PERANAN MOSTI SEBAGAI PUSAT RUJUKAN PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK MILIK KERAJAAN DAN AGENSI BERKAITAN

12.1. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) perlu menjadi pusat rujukan bagi semua Harta Intelek milik Kerajaan yang dikomersialkan.

12.2. **Khidmat Nasihat**

12.2.1. Bagi perlindungan Harta Intelek milik Kerajaan sama ada di dalam atau luar negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai pusat rujukan hendaklah membantu dalam memberi **khidmat nasihat** kepada Agensi Kerajaan seperti berikut:

- a) Dengan peruntukan Agensi tersebut dalam memohon, memperolehi atau mengekalkan paten atau bentuk perlindungan lain di Malaysia atau luar negara di mana Kerajaan mempunyai hak atau kepentingan;
- b) Dalam pemberian lesen oleh Agensi Kerajaan, termasuk Lesen Bukan Eksklusif, Tunggal atau Eksklusif, sama ada tanpa atau dengan royalti mengikut syarat yang bersesuaian;
- c) Dalam mengambil langkah yang wajar bagi melindungi Harta Intelek milik Kerajaan termasuk hak ke atas royalti; dan
- d) Apabila keadaan memerlukan, untuk memindah hak milik sama ada sepenuhnya atau sebahagian, hak atau kepentingan Harta Intelek milik Kerajaan kepada lain-lain agensi Kerajaan.

12.2.2. Bagi memastikan pengurusan Harta Intelek yang efektif, MOSTI boleh:

- a) Membantu usaha Kerajaan untuk mempromosikan pelesenan dan penggunaan Harta Intelek milik Kerajaan;
- b) Membantu Agensi Kerajaan dalam mendapatkan perlindungan dan pemeliharaan hak-hak Harta Intelek di negara-negara asing, termasuk pembayaran yuran dan

kos yang berkaitan dengannya menggunakan peruntukan Agensi Kerajaan tersebut; dan

- c) Melaksanakan rundingan dan menasihati Kerajaan mengenai bidang penyelidikan R&D yang berpotensi untuk dikomersialkan.

12.2.3. Sekiranya Agensi Kerajaan tidak mempunyai kepakaran atau sebaliknya tidak berdaya maju untuk menguruskan Harta Intelek yang diwujudkan atau dimiliki oleh Agensi Kerajaan tersebut, ianya hendaklah diamanahkan kepada dan diuruskan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menggunakan peruntukan Agensi Kerajaan berkenaan.

12.2.4. Bagi perkara 12.2.3, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) boleh memberi lesen bagi Harta Intelek milik Kerajaan hanya jika:

- a) Pemberian lesen adalah munasabah dan perlu untuk:
 - i) Meningkatkan modal pelaburan yang diperlukan bagi mengkomersialkan Harta Intelek;
 - ii) Menggalakkan penggunaan Harta Intelek oleh orang awam; dan
 - iii) Memacu ekonomi.
- b) Pemohon memberi komitmen untuk mengkomersialkan Harta Intelek dalam tempoh masa yang munasabah, di mana tempoh tersebut boleh dipanjangkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) atas permohonan pemohon jika dianggap perlu; dan
- c) Kepentingan Kerajaan dalam perdagangan asing boleh dipertingkatkan bagi Harta Intelek yang dilindungi di luar Malaysia.

12.3. Penyelesaian Pertikaian

12.3.1. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian, kontroversi, tuntutan atau apa-apa perbezaan sifat yang timbul daripada pelaksanaan atau pengendalian dasar ini, antara Pereka Cipta itu sendiri, atau antara Pereka Cipta dan penerima, atau

Pereka Cipta dan/ atau penerima dengan Agensi Kerajaan masing-masing, Agensi Kerajaan tersebut hendaklah cuba menyelesaikan pertikaian, tuntutan atau perbezaan tersebut.

12.3.2. Jawatankuasa Pemandu Pengkomersialan Harta Intelekt MOSTI (atau Jawatankuasa Pemandu Tahun Pengkomersialan Malaysia) boleh dirujuk sekiranya tiada penyelesaian diperingkat Agensi Kerajaan. Jawatankuasa Pemandu ini hendaklah mengguna pakai prosedur seperti berikut:

- a) Jawatankuasa Pemandu hendaklah menghendaki setiap pihak mengemukakan penyerahan bertulis mengenai hujah-hujah yang menyokong tuntutan masing-masing;
- b) Jawatankuasa Pemandu akan menilai merit hujah dan menentukan sama ada terdapat keperluan untuk mengadakan perbincangan;
- c) Jika ia memutuskan bahawa tidak perlu mengadakan pendengaran, ia akan membuat keputusan dan pihak-pihak berkaitan akan dimaklumkan dengan sewajarnya;
- d) Jika ia memutuskan bahawa terdapat keperluan untuk mengadakan perbincangan, ia hendaklah menetapkan tarikh untuk pendengaran dan memaklumkan kedua-dua pihak;
- e) Kedua-dua pihak mempunyai hak untuk menghadiri pendengaran. Setiap pihak berhak membawa seseorang (bukan peguamcara) untuk membantu mereka;
- f) Selepas kedua-dua pihak diberi pendengaran yang adil, Jawatankuasa Pemandu akan membuat keputusan yang akan disampaikan kepada pihak-pihak tersebut; dan
- g) Keputusan Jawatankuasa Pemandu adalah muktamad.

12.3.3. Kos penyelesaian pertikaian itu, jika ada, akan ditanggung oleh semua pihak kepada pertikaian itu.

13. HAK KERAJAAN

13.1. Berhubung dengan sesuatu hasil ciptaan, di mana Penerima Dana telah memperolehi hak milik menerusi pemberian hak milik oleh Kerajaan, Kerajaan berhak untuk meminta Penerima, pemegang serah hak atau pemegang Lesen Eksklusif ciptaan tersebut untuk tidak memberikan royalti, Lesen Bukan Eksklusif, Lesen Tunggal atau Lesen Eksklusif kepada Pihak Ketiga yang bertanggungjawab yang telah mengemukakan permohonan untuk memperolehi hak tersebut, berdasarkan syarat-syarat yang munasabah. Pelaksanaan hak yang dinyatakan dalam perkara ini akan ditadbir oleh prosedur yang dinyatakan di bawah. Hak yang dinyatakan ini hanya akan dilaksanakan jika Penerima, pemegang serah hak atau pemegang Lesen Eksklusif menolak permintaan tersebut. Kerajaan berhak untuk memberikan Lesen itu sendiri, jika Kerajaan menentukan bahawa:

13.1.1. tindakan adalah perlu kerana Penerima tidak mengambil atau tidak dijangka mengambil langkah yang berkesan untuk mencapai Pengkomersialan hasil ciptaannya dalam mana-mana bidang kegunaan dalam masa yang munasabah;

13.1.2. tindakan adalah perlu untuk mengurangkan keperluan dan/ atau beban kesihatan awam atau keselamatan yang tidak dipenuhi oleh penerima, pemegang serah hak, atau pemegang lesen mereka; dan

13.1.3. kerana perjanjian di perenggan 8.4.2 tidak diperoleh atau dikecualikan, atau kerana pemegang Lesen Hak Eksklusif menggunakan atau menjual mana-mana reka cipta di Malaysia yang melanggar perjanjian yang diperoleh menurut perenggan 8.4.2.

13.2. Pelaksanaan perenggan 13.1 di atas hendaklah selaras dan tertakluk kepada peruntukan undang-undang semasa yang berkenaan dengan Harta Intelek yang dimiliki tersebut.

14. PENIPUAN PEROLEHAN DANA DAN HAK HARTA INTELEK

14.1. Sekiranya terdapat sebarang bukti bahawa Penerima Dana telah menerima pembiayaan melalui salah kenyataan, pemalsuan dokumen atau lain-lain penipuan, pemilikan Harta Intelek, jika ada, yang terletak hak pada penerima akan kembali kepada pembiaya dana.

15. HAK MORAL DAN NILAI ETIKA


- 15.1. Penerima mengiktiraf hak moral pengarang atau Pereka Cipta Harta Intelek. Mereka akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa pengarang atau Pereka Cipta diakui sebagai pengarang atau Pencipta Harta Intelek. Mereka juga akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa sebarang perubahan atau pengubahsuaian sesuatu karya tidak merosakkan reputasi atau kehormatan pengarang atau Pencipta. Semua kakitangan Penerima Dana hendaklah memastikan bahawa dalam penciptaan, pembangunan dan penajaan mana-mana Harta Intelek, semua penajaan munasabah diambil untuk memastikan bahawa tiada pelanggaran terhadap sebarang etika atau hak moral pengarang atau Pereka Cipta, Harta Intelek berkenaan.

- 15.2. Reka cipta dan pengkomersialan Harta Intelek perlu diseimbangkan dengan melihat kepada nilai-nilai kemanusiaan dan kehidupan serta maqasid syariah sebagai panduan kepada sesuatu perkembangan Sains, Teknologi dan Inovasi agar tidak membawa kemudaratan kepada agama, harta, nyawa, keturunan dan akal.

LAMPIRAN A1

CARTA ALIR – PERMOHONAN PENDAFTARAN PATEN / PEMBAHARUAN UTILITI


CARTA RINGKAS PROSEDUR PERMOHONAN DAN GERAN BAGI PATEN / PERBAHARUAN UTILITI (AKTA PATEN 1983)



Sumber : MyIPO di www.myipo.gov.my (Sila rujuk MyIPO untuk maklumat lanjut)

LAMPIRAN A2

CARTA ALIR – PERMOHONAN PENDAFTARAN CAP DAGANGAN




Sumber : MyIPO di www.myipo.gov.my (Sila rujuk MyIPO untuk maklumat lanjut)

LAMPIRAN A3

CARTA ALIR – PERMOHONAN PENDAFTARAN REKA BENTUK PERINDUSTRIAN

FLOWCHART INDUSTRIAL DESIGNS APPLICATION PROCEDURE (INDUSTRIAL DESIGNS ACT 1996)




Sumber : MyIPO di www.myipo.gov.my (Sila rujuk MyIPO untuk maklumat lanjut)

LAMPIRAN A4

CARTA ALIR – PERMOHONAN PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI


**CARTA ALIRAN PROSEDUR PERMOHONAN PETUNJUK GEOGRAFI
(AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2000)**



Sumber : MyIPO di www.myipo.gov.my (Sila rujuk MyIPO untuk maklumat lanjut)

LAMPIRAN A5

**CARTA ALIR – PERMOHONAN PENDAFTARAN HAK CIPTA
CARTA ALIR PEMBERITAHUAN SECARA SUKARELA HAK CIPTA**



Sumber : MyIPO di www.myipo.gov.my (Sila rujuk MyIPO untuk maklumat lanjut)

LAMPIRAN B

CONTOH KAEDAH PENGIRAAN AGIHAN BAYARAN ROYALTI KEPADA PEREKA CIPTA DAN PENYELIDIK DARIPADA HASIL TERIMAAN BERSIH

SITUASI:

Satu Perjanjian Pengkomersialan telah ditandatangani oleh Agensi Kerajaan 'ABC' (sebagai pemilik Harta Intelek) dengan Syarikat 'XYZ' ke atas reka cipta 'JKL' ke pasaran Malaysia. Antara butiran Perjanjian Pengkomersialan yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

- a) Agensi Kerajaan 'ABC' bersetuju memberikan pelesenan eksklusif kepada Syarikat 'XYZ' untuk mengkomersialkan reka cipta 'JKL' selama lima (5) tahun; dan
- b) Sama ada:
 - i) Nilai pelesenan reka cipta 'JKL' adalah RM500,000.00 yang juga dianggap sebagai hasil terimaan pengkomersialan ini. Ia akan dibayar oleh Syarikat 'XYZ' kepada Agensi Kerajaan 'ABC' pada sepanjang tempoh Perjanjian Pengkomersialan berkuatkuasa; **ATAU**
 - ii) Nilai pelesenan reka cipta 'JKL' adalah pada kadar 5% hasil Jualan kasar setahun untuk tempoh 5 tahun.

Sebelum itu, reka cipta 'JKL' telah dibangunkan oleh empat (4) orang Pereka Cipta dan Penyelidik yang berkhidmat di Agensi Kerajaan 'ABC'. Sebelum Perjanjian Pengkomersialan dikuatkuasakan, Ketua Agensi Kerajaan 'ABC' telah menandatangani satu perjanjian bertulis secara dalaman (Perjanjian Dalaman/ Nota Kerja) dengan semua empat (4) orang Pereka Cipta dan Penyelidik.

Melalui Perjanjian Dalaman/ Nota Kerja tersebut, hasil terimaan bersih telah dipersetujui secara bersama untuk diagihkan kepada semua empat (4) Pereka Cipta dan Penyelidik terlibat mengikut nisbah pemberat seperti berikut: -

PENAMA TERLIBAT	NISBAH PEMBERAT
Penyelidik A	40%
Penyelidik B	30%
Penyelidik C	20%
Penyelidik D	10%
JUMLAH	100%

Agensi Kerajaan ABC perlu mencatat semua perbelanjaan yang terlibat sepanjang proses pengkomersialan dan pemindahan teknologi. Perbelanjaan ini ditanggung oleh hasil pengkomersialan yang diterima. (Rujuk takrifan “perbelanjaan”).

Kaedah terimaan hasil pengkomersialan Harta Intelek boleh berlaku dalam senario sama ada pembayaran hasil terimaan secara tahunan, secara sekali bayar (*one-off / lump sum*) atau berdasarkan peratus jualan tahunan.

SENARIO 1 – Hasil Terimaan Pengkomersialan Harta Intelek Secara Tahunan

Jika pembayaran ditetapkan secara tahunan, maka terimaan ini perlu dilaksanakan pada satu tarikh atau tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Tarikh atau tempoh ini hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Perjanjian Pengkomersialan tersebut.

Berdasarkan fakta dalam situasi diberi, hasil terimaan oleh Kerajaan ditetapkan pada nilai RM100,000.00 setahun.

Hasil terimaan pengkomersialan berdasarkan terimaan tahunan secara tetap bagi tahun 1 = RM 100,000.00, (x)	RM 100,000.00
Jumlah perbelanjaan yang dikenal pasti terlibat, (y)	RM 50,000.00
Hasil terimaan bersih yang sedia diagihkan, (x) – (y)	RM 50,000.00

Seterusnya, hasil terimaan bersih ini diagihkan mengikut kadar seperti Jadual berikut:

Hasil Terimaan Bersih, (x) – (y)		Agihan	
Formula agihan	Amaun terlibat	Pereka Cipta/ Penyelidik	Entiti Penerima Dana/ Biayaan
RM250,000.00 yang pertama	RM50,000.00	RM50,000.00 (100%)	RM0 (0%)
JUMLAH	RM50,000.00	RM50,000.00	RM0

Berdasarkan perjanjian bertulis Ketua Agensi Kerajaan ‘ABC’ dan semua empat (4) orang Pereka Cipta dan Penyelidik terlibat, hasil terimaan bersih sebanyak RM50,000.00 ini diagihkan mengikut nisbah pemberat masing-masing seperti berikut:

PENAMA TERLIBAT	NISBAH PEMBERAT	BAYARAN AGIHAN DITERIMA
Penyelidik A	40%	RM20,000.00
Penyelidik B	30%	RM15,000.00
Penyelidik C	20%	RM10,000.00
Penyelidik D	10%	RM5,000.00
JUMLAH	100%	RM50,000.00

SENARIO 2 – Hasil Terimaan Pengkomersialan Harta Intelek Secara Sekali Bayar (One-Off / “Lump Sum”)

Jika pembayaran ditetapkan secara sekali sahaja (one-off/ lump sum), maka terimaan ini perlu dilaksanakan pada satu tarikh atau tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Tarikh atau tempoh ini hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Perjanjian Pengkomersialan tersebut.

Berdasarkan fakta dalam situasi ini, hasil terimaan yang akan diterima oleh Agensi Kerajaan ‘ABC’ kekal pada nilai RM500,000.00 melalui satu (1) transaksi terimaan.

Hasil terimaan pengkomersialan secara sekali sahaja/ <i>one-off / lump sum</i> = <u>RM 500,000.00, (x)</u>	RM 500,000.00
Anggaran perbelanjaan yang dikenal pasti terlibat untuk tempoh lima (5) tahun, (y)	RM 120,000.00
Hasil terimaan bersih yang sedia diagihkan, (x) – (y)	RM 380,000.00

Seterusnya, hasil terimaan bersih diagihkan mengikut kadar seperti Jadual berikut:

Hasil Terimaan Bersih, (x) – (y)		Agihan	
Formula agihan	Amaun terlibat	Pereka Cipta / Penyelidik	Entiti Penerima Dana / Biayaan
RM250,000.00 yang pertama	RM250,000.00	RM250,000.00 (100%)	RM0 (0%)
RM250,000.01 sehingga RM1,000,000.00 yang berikutnya	RM130,000.00	RM104,000.00 (80%)	RM26,000.00 (20%)
JUMLAH	RM380,000.00	RM354,000.00	RM26,000.00

Berdasarkan perjanjian bertulis Ketua Agensi Kerajaan 'ABC' dan semua empat (4) orang Pereka Cipta dan Penyelidik terlibat, hasil terimaan bersih sebanyak RM354,000.00 ini diagihkan mengikut nisbah pemberat masing-masing pada satu tarikh yang ditentukan secara bertulis antara Ketua Agensi Kerajaan dan semua Pereka Cipta/ Penyelidik yang terlibat melalui Perjanjian Dalaman. Oleh itu, jumlah bayaran yang diterima oleh setiap Pereka Cipta dan Penyelidik adalah seperti berikut :

PENAMA TERLIBAT	NISBAH PEMBERAT	BAYARAN AGIHAN DITERIMA
Penyelidik A	40%	RM141,600.00
Penyelidik B	30%	RM106,200.00
Penyelidik C	20%	RM70,800.00
Penyelidik D	10%	RM35,400.00
JUMLAH	100%	RM354,000.00

Bagi maksud agihan bayaran kepada Pereka Cipta dan Penyelidik dalam Senario 2 ini, ia boleh dibuat pada jangka masa tugas pemindahan teknologi dijalankan antara Pereka Cipta/ Penyelidik dan syarikat (dalam situasi ini, melibatkan tempoh lima (5) tahun) **ATAU** secara *lump-sum* mengikut kesesuaian situasi ekosistem pengkomersialan tersebut.

SENARIO 3 – Hasil Terimaan Pengkomersialan Harta Intelek Berdasarkan Peratus Jualan Tahunan (Jualan Kasar)

Dalam senario ini terimaan hasil pengkomersialan ini akan diterima setiap tahun bagi tempoh 5 tahun berdasarkan kadar 5% daripada hasil jualan kasar Syarikat XYZ.

Tahun 1

Jualan Kasar RM2,000,000.00

Hasil terimaan pengkomersialan berdasarkan peratus(%) jualan kasar tahunan bagi Tahun 1 = <u>RM 100,000.00, (x)</u>	RM 100,000.00
Jumlah perbelanjaan yang dikenal pasti terlibat, (y)	RM 50,000.00
Hasil terimaan bersih yang sedia diagihkan, (x) – (y)	RM 50,000.00

Seterusnya, hasil terimaan bersih diagihkan mengikut kadar seperti Jadual berikut:

Hasil Terimaan bersih, (x) – (y)		Agihan	
Formula agihan	Amaun terlibat	Pereka Cipta / Penyelidik	Entiti Penerima Dana / Biayaan
RM250,000.00 yang pertama	RM50,000.00	RM50,000.00 (100%)	RM0 (0%)
JUMLAH	RM50,000.00	RM50,000.00	RM0

Oleh itu, elemen perjanjian bertulis Ketua Agensi Kerajaan ‘ABC’ dan semua empat (4) orang Pereka Cipta dan Penyelidik terlibat telah menetapkan kadar agihan royalti sebanyak RM50,000.00 ini diagihkan mengikut nisbah pemberat masing-masing. Oleh itu, jumlah bayaran yang diterima oleh setiap Pereka Cipta dan Penyelidik adalah seperti berikut :

PENAMA TERLIBAT	NISBAH PEMBERAT	BAYARAN AGIHAN DITERIMA
